UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

# KESAN PENGGUNAAN BUKU BERSIRI LUQMAN AL-HAKIM TERHADAP PERLAKUAN NILAI AKIDAH DALAM KALANGAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH

NOR NAJIYAH BINTI GHAZALI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2014

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

# KESAN PENGGUNAAN BUKU BERSIRI LUQMAN AL-HAKIM TERHADAP PERLAKUAN NILAI AKIDAH DALAM KALANGAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH

NOR NAJIYAH BINTI GHAZALI

DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2014

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

# PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya

18 Februari 2014

NOR NAJIYAH BT GHAZALI
M20101000510

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

# PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang serta selawat dan salam ke atas pesuruhNya Muhammad S.A.W. Dengan keizinanNya dan limpah kurniaNya, kajian bertajuk 'Kesan Penceritaan Buku Bersiri Luqman Al-Hakim Terhadap Perlakuan Nilai Akidah Kanak-kanak Prasekolah' berjaya disempurnakan.

Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan khas buat penyelia yang dihormati, Dr. Hjh Fauziah Hanim binti Abdul Jalal yang banyak memberi bimbingan dan dorongan bagi menyiapkan kajian ini. Tanpa tunjuk ajar dan bimbingan beliau sukar untuk saya menyelesaikan kajian ini.

Sekalung penghargaan kepada pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini terutama kepada pihak sekolah yang membenarkan saya menjalankan kajian di sekolah tersebut, khususnya para kanak-kanak di prasekolah yang bersedia menjadi subjek dan memberi kerjasama sepenuhnya semasa kajian dijalankan.

Buat suami tercinta, Mohd Nizam bin Mohd Tejeri yang sentiasa memberi dorongan, semangat dan galakan untuk menyelesaikan penyelidikan ini serta kepercayaan yang tidak berbelah bahagi. Anakanda-anakanda tersayang Nur Syafiqah, Hafizatul Afaf, Amirah Mursyidah, Aisyah Insyirah, Aliyya Najihah dan Muhammad Luqman Al-Hakim yang sentiasa memahami dan tidak mengganggu semasa kajian ini disiapkan.

Terima kasih juga diucapkan kepada pensyarah-pensyarah dan rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberi bimbingan, sumbangan idea dan galakan dalam menyiapkan kajian ini.

Akhir kata, kesyukuran kepada Allah s.w.t dan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini.

Terima kasih.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

# ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti kesan penggunaan buku bersiri Luqman Al-Hakim melalui teknik penceritaan terhadap pembentukan nilai akidah dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Tiga aspek perlakuan yang difokuskan ialah nilai beriman, bersyukur dan pembalasan. Kajian ini menggunakan kaedah kuasi eksperimental melibatkan ujian, pemerhatian dan temu bual. Subjek kajian terdiri daripada 40 orang kanak-kanak prasekolah berumur enam tahun yang terdiri daripada dua buah kelas di sebuah tadika. Subjek kajian dibahagikan kepada dua kumpulan yang terdiri daripada satu kumpulan kawalan dan satu kumpulan rawatan. Kajian telah dijalankan selama enam minggu meliputi pemerhatian, ujian pra dan ujian pos serta proses penceritaan menggunakan buku bersiri Luqman Al-Hakim. Data kuantitatif telah dianalisis menggunakan ujian-t sampel tak bersandar untuk menilai sama ada terdapat perbezaan yang signifikan bagi perlakuan nilai akidah antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan manakala data kualitatif dianalisis secara manual iaitu melalui peringkat transkripsi, pengekodan serta pembentukan kategori tema. Seramai lima orang kanak-kanak dipilih bagi proses pemerhatian dan temu bual dengan ibu dan guru. Dapatan data kuantitatif menunjukkan terdapat perbezaan min antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan bagi perlakuan nilai bersyukur ($p<0.000$) dan perlakuan nilai pembalasan ($p<0.016$). Namun begitu, tidak terdapat perbezaan min di antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan bagi perlakuan nilai beriman ($p>0.101$). Dapatan data kualitatif pula menunjukkan ketiga-tiga perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai beriman, bersyukur dan pembalasan mempunyai kesan positif terhadap kanak-kanak. Implikasi daripada kajian ini menunjukkan penggunaan buku bersiri Luqman al-Hakim melalui teknik penceritaan sesuai digunakan untuk menanamkan perlakuan nilai akidah dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

# ABSTACT

THE IMPACT OF STORYTELLING USES
THE LUQMAN AL-HAKIM SERIES BOOK RELATED
TO THE VALUE OF FAITH AMONG PRESCHOOL CHILDREN

This study uses the Luqman Al-Hakim series of story book to identify the impact of storytelling on the behavior related to the value of faith which includes the aspect of belief, gratitude and punishment among preschool children. This study employs quasi experimental that includes test, observation and interview. The subjects consisted of two classes of 40 preschool children aged six. The subjects were divided into two groups; one control group and one treatment group. This study was carried out for six weeks with observation, pre-test, post-test and the process of storytelling. The quantitative data were analyzed using t-test independent samples to assess whether there are significant differences the value of faith between control group and treatment group and the qualitative data were analyzed manually using transcription, coding and developing themes. Five children were selected for the observations and interviews with parents and teachers. The quantitative data showed a significant difference in mean between treatment group and control group for the aspects of gratitude ($p<0.000$) and punishment ($p<0.016$). However, there was no significant difference between the two groups for the aspects of belief ($p>0.101$). The qualitative data showed positive effects of behavior on three aspects of value of faith that is belief, gratitude and punishment on the preschool children. The implication of this study shows that the use of the Luqman Al-Hakim book series which employs the storytelling technique is suitable for instilling the value of faith among preschool children.
.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

SUSUNAN KANDUNGAN

| | | Muka Surat |
|---|---|---|
| PENGAKUAN | | ii |
| PENGHARGAAN | | iii |
| ABSTRAK | | iv |
| ABSTRACT | | v |
| KANDUNGAN | | vi |
| SENARAI JADUAL | | vii |
| SENARAI RAJAH | | Viii |
| **BAB 1** | **PENGENALAN** | |
| | 1.0 Pendahuluan | 1 |
| | 1.1 Latar Belakang Kajian | 3 |
| | 1.2 Penyataan Masalah | 8 |
| | 1.3 Tujuan Kajian | 13 |
| | 1.4 Objektif Kajian | 13 |
| | 1.5 Persoalan Kajian | 14 |
| | 1.6 Hipotesis Kajian | 14 |
| | 1.7 Kepentingan Kajian | 16 |
| | 1.8 Definisi Konsep | 18 |
| | 1.8.1 Penceritaan | 18 |

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS



1.8.2 Buku Bersiri 19

1.8.3 Perlakuan Nilai Akidah 19

1.8.4 Kanak-kanak Prasekolah 20

1.9 Definisi Operasional

1.9.1 Penceritaan 21

1.9.2 Buku Bersiri 22

1.9.3 Perlakuan Nilai Akidah 27

1.9.4 Kanak-kanak Prasekolah 30

1.10 Teori Berkaitan 30

1.10.1 Teori Imam Al-Ghazali 30

1.10.2 Teori Pembelajaran Berasaskan Kolb 34

1.11 Gabungan Teori Kajian 35

1.12 Batasan Kajian 37

1.13 Rumusan 38

BAB 2 **TINJAUAN KAJIAN LEPAS**

2.0 Pengenalan 39

2.1 Kesan Penceritaan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran 40

2.2 Pendidikan Keibubapaan Luqman Al-Hakim 48

2.3 Perlakuan Nilai 49


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS




2.4 Rumusan 51

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.0 Pengenalan 52

3.1 Reka Bentuk Kajian 53

3.1.1 Kajian Kuantitatif 53

3.1.2 Kajian Kualitatif 56

3.2 Populasi dan Persampelan 57

3.3 Instrumen dan Pengukuran 59

3.3.1 Kertas Ujian 59

3.3.2 Senarai Semak 60

3.4 Kesahan dan Kebolehpercayaan 62

3.5 Kesahan Kandungan Ujian Perlakuan Nilai Akidah 63

3.6 Kajian Rintis 65

3.7 Prosedur Analisis Data 67

3.8 Kaedah Analisis Data 68

3.9 Nilai Yang Dikaji 69

3.10 Rumusan 69

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.0 Pengenalan 71

4.1 Dapatan Kajian Kuantitatif 72

4.1.1 Latar Belakang Responden 72


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS


4.1.2 Dapatan Analisis Kesan Penceritaan Buku Bersiri Luqman Al-Hakim berdasarkan kepada Hipotesis 74

4.1.2.1 Kesan Penceritaan Buku Bersiri Luqman Al-Hakim Terhadap Perlakuan Nilai Akidah dalam aspek Nilai Beriman 74

4.1.2.2 Kesan Penceritaan Buku Bersiri Luqman Al-Hakim Terhadap Perlakuan Nilai Akidah dalam aspek Nilai Bersyukur 77

4.1.2.3 Kesan Penceritaan Buku Bersiri Luqman Al-Hakim Terhadap Perlakuan Nilai Akidah dalam aspek Nilai Pembalasan 81

4.2 Dapatan Kajian Kualitatif 84

4.2.1 Kesan Penceritaan Buku Bersiri Luqman Al-Hakim Terhadap Perlakuan Nilai Akidah dalam aspek Nilai Beriman Kanak-kanak Prasekolah 85

4.2.2 Kesan Penceritaan Buku Bersiri Luqman Al-Hakim Terhadap Perlakuan Nilai Akidah dalam aspek Nilai Bersyukur Kanak-kanak Prasekolah 87

4.2.3 Kesan Penceritaan Buku Bersiri Luqman Al-Hakim Terhadap Perlakuan Nilai Akidah dalam aspek Nilai Pembalasan Kanak-kanak Prasekolah 90

4.4 Rumusan 92

**BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN**

5.0 Pengenalan 93

5.1 PerbincanganDapatan Kajian 94

5.1.1 Kesan Penceritaan Buku Bersiri Luqman Al-Hakim Terhadap Perlakuan Nilai Akidah Dalam Aspek Nilai Beriman 94

5.1.2 Kesan Penceritaan Buku Bersiri Luqman Al-Hakim Terhadap Perlakuan Nilai Akidah Dalam Aspek Nilai Bersyukur 96


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


| | | | |
|---|---|---|---|
| | 5.1.3 | Kesan Penceritaan Buku Bersiri Luqman Al-Hakim Terhadap Perlakuan Nilai Akidah Dalam Aspek Nilai Pembalasan | 98 |
| 5.2 | Implikasi | | 100 |
| 5.3 | Cadangan-cadangan Kajian Untuk Masa Hadapan | | 104 |
| | 5.3.1 | Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia | 104 |
| | 5.3.2 | Ibu Bapa | 104 |
| | 5.3.3 | Penyelidik akan Datang | 105 |
| 5.4 | Kesimpulan | | 106 |
| 5.5 | Penutup | | 107 |

RUJUKAN

LAMPIRAN


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

SENARAI LAMPIRAN

| | |
|---|---|
| LAMPIRAN A | Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada Kementerian Pelajaran Malaysia |
| LAMPIRAN B | Senarai Semak Pemerhatian |
| LAMPIRAN C | Soalan Ujian |
| LAMPIRAN D | Data Analisis Ujian-t Berpasangan Bagi Dua Kumpulan Ujian Pra dan Ujian Pos |
| LAMPIRAN E | Penilaian Kesahan oleh tiga orang pakar |
| LAMPIRAN F | Buku Bersiri Luqman Al-Hakim (Beriman) |
| LAMPIRAN G | Buku Bersiri Luqman Al-Hakim (Bersyukur) |
| LAMPIRAN H | Buku Bersiri Luqman Al-Hakim (Pembalasan) |

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


# BAB SATU

# PENGENALAN

## 1.0 Pendahuluan

Pendidikan prasekolah adalah pendidikan awal yang penting dalam perkembangan hidup seseorang individu selain daripada pendidikan yang diterima di rumah. Pendidikannya berfokus kepada usaha untuk menyediakan peluang pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna kepada kanak-kanak. Melalui prinsip ini, kanak-kanak diberi ruang dan peluang untuk berfikir dan menyelesaikan masalah serta belajar mengikut kemampuan sendiri melalui kaitan yang relevan dengan pengalaman sedia ada. Aktiviti yang dirancang perlu bersifat mencabar, menarik serta diperkukuhkan dengan bahan sokongan yang sesuai.

Di Malaysia, program pendidikan prasekolah memberi tumpuan kepada usaha untuk menyediakan peluang pembelajaran kepada kanak-kanak berumur antara empat

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS


hingga enam tahun sebelum mereka memasuki pendidikan formal di Tahun Satu (Garis Panduan Kurikulum Prasekolah, 1998). Pendidikan awal kanak-kanak adalah asas kepada pembinaan kekukuhan sesuatu bangsa dan pemangkin kepada visi negara. Kejayaan masa depan kanak-kanak bergantung kepada persediaan yang diterima sebelum berumur tujuh tahun. Menurut Mastura (2005) kanak-kanak di peringkat umur enam tahun adalah peringkat paling utama dan paling laju perkembangan mereka berbanding dengan peringkat-peringkat atau tahap umur yang lebih dewasa dalam kehidupan seorang insan. Oleh itu, guru sangat berperanan dalam memberikan pendidikan moral yang baik dengan contoh tingkahlaku menggunakan aktiviti yang dapat diterima oleh kanak-kanak. Salah satu aktiviti yang boleh dilakukan ialah melalui bercerita.

Bercerita telah dikenal pasti sebagai suatu cara yang paling berkesan untuk menyampaikan idea dan boleh mengakibatkan perubahan dalam pembelajaran (McDrury dan Alterio, 2002). Ia juga menjadi media penyampaian maklumat dan sumber pendidikan tidak formal anak-anak (Henry Johari, 2006). Teknik bercerita merupakan salah satu teknik penyampaian yang memberi pengalaman belajar kepada kanak-kanak. Menurut Dr. Ahamad Tafsir (2003), teknik adalah cara yang paling tepat dan cepat melakukan sesuatu. Menurut Sukanto (2001), bercerita adalah suatu kegiatan yang bersifat seni kerana erat kaitannya dengan keindahan dan bersandar kepada kekuatan kata-kata yang dipergunakan untuk mencapai tujuan cerita. Teknik bercerita adalah suatu teknik yang mempunyai daya tarikan yang menyentuh perasaan kanak-kanak. Islam menyedari sifat manusia untuk menyenangi cerita yang mempunyai pengaruh yang besar terhadap perasaan. Oleh kerana itulah ia dijadikan sebagai salah satu teknik pendidikan (Abudin Nata, 2001).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Abd Aziz (2003), menyatakan penyampaian bercerita menepati posisi pertama untuk mengubah etika kanak-kanak kerana bercerita mampu menarik kanak-kanak untuk menyukai dan memperhatikannya. Ia juga boleh digunakan bagi menghidupkan sesuatu pembelajaran dan boleh merangsang kanak-kanak melahirkan idea serta pendapat. Menurut Jonassen (2002), kaedah penceritaan dilihat sebagai satu proses perkongsian ilmu pengetahuan secara tradisional yang logik dan saintifik. Ia akan menjadikan pembelajaran sebagai suatu pengalaman yang menyeronokkan. Tambahan lagi, bercerita dapat dijadikan sebagai aktiviti pengukuhan. Melalui bercerita, kanak-kanak dapat belajar dalam suasana yang gembira dan ceria. Kanak-kanak sentiasa mengingati perkara yang menyeronokkan berbanding perkara yang tidak memberi kesan apa-apa dalam diri mereka.

## 1.1 Latar Belakang Kajian

Kanak-kanak mempelajari sesuatu menerusi penerokaan terhadap suasana sekelilingnya. Oleh itu pendidikan kanak-kanak pada usia empat hingga enam tahun ini amat penting kerana pembelajaran di peringkat awal akan dapat memberi kesan positif kepada perkembangan kanak-kanak seterusnya. Ini sesuai dijelaskan dalam Al-Quran bermaksud,

> ‘*Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibumu dalam keadaan tidak mengetahui sesuatu apapun dan Dia memberi kamu pendengaran, penglihatan dan hati agar kamu bersyukur*’. (An-Nahl 16;78)

Kanak-kanak akan berkembang dengan baik jika diberikan pendidikan yang berkualiti sejajar dengan minat mereka. Kanak-kanak mempelajari sesuatu melalui

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS


apa yang dilihat dan didengari dari persekitarannya. Ia merupakan satu pendidikan baginya kerana yang nyata bagi kanak-kanak di peringkat awal umur tidak tahu membezakan perkara yang membawa manfaat atau sebaliknya (Abdul Monir Yaacob dalam Azrina Sobian, 2007). Ini dinyatakan oleh Sardiman (2005) bahawa mendidik dikatakan sebagai keupayaan membina diri secara baik yang meliputi kemampuan intelek, keperibadian termasuk sikap mental dan akhlak perilakunya. Kenyataan ini juga dijelaskan lagi oleh Athiyah Al-Abrasyi (2007) bahawa tujuan utama pendidikan bukanlah untuk memenuhi otak anak didik dengan segala ilmu yang belum mereka ketahui tetapi membina mental dan akhlak mereka dengan cara menanamkan kesukaan melakukan kebajikan, membiasakan diri bersikap sopan-santun dan membina mental yang ikhlas dan jujur.

Menurut Mastura (2009) kalau sesuatu informasi yang diterima oleh seseorang kanak-kanak itu hanya di aras pengetahuan tanpa adanya penyemaian akidah dan pemantapan akhlak, maka sudah pastilah nilai penghayatannya kontang dan proses aplikasinya tidak dapat diterjemah dalam bentuk nilai peradaban yang sempurna. Syamsun Naim (2001) menegaskan bahawa penanaman akidah merupakan landasan pertama bagi pembentukan peribadi dan moral kanak-kanak. Perkara ini ditegaskan lagi di dalam firman Allah yang bermaksud,

> ‘*Wahai anakku, janganlah kamu berbuat syirik kepada Allah, kerana sesungguhnya perbuatan syirik adalah suatu kezaliman yang besar’*.(Luqman 31;4)

Menurut Mohd Nizam dan Ahmad Hasan (2001), dalam ayat ini jelas sekali menunjukkan Luqman yang dinyatakan di dalam surah ini telah menasihati anaknya untuk mentauhidkan Allah dan menjauhi syirik. Rasulullah S.A.W. telah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


memaparkan panduan dalam mendidik anak-anak dengan sabda baginda yang bermaksud,

> *'Suruhlah anak-anakmu mentaati perintah Allah dan menjauhi laranganNya.'* (Hadis riwayat Ibnu Jarir dan Ibnu Mundzir)

Jika pendidikan agama tidak dititikberatkan, akibatnya generasi yang dihasilkan mungkin bijaksana dan tinggi tahap perkembangan inteleknya tetapi 'pencapaian tinggi' yang hakikatnya dalam ruang lingkup yang sempit yang hanya didasarkan kepada ketinggian pencapaian akademik sedangkan dari aspek-aspek yang lain ia pincang dan tiada keseimbangannya. Maka jika inilah yang berlaku dalam dunia pendidikan pada hari ini, ini bererti pendidikan gagal menjana anjakan paradigma dalam setiap individu dan dibimbangi sejarah lama akan berulang. Analisis fakta dari perspektif sejarah telah cukup membuktikan bahawa kehancuran tamadun manusia. Contohnya Mesir, Greek, Rom dan Parsi adalah berpunca dari gagalnya penerapan nilai-nilai akhlak murni kepada generasi pewaris dan kontangnya penghayatan untuk diaplikasikan dalam kehidupan (Mastura Badzis, 2008).

Bercerita dapat memberi peluang kepada kanak-kanak untuk belajar dalam suasana yang mengembirakan mereka (Musfiroh, 2008). Negara maju seperti United Kingdom memberi tumpuan kepada penerapan budaya bercerita. Poland pula menjalankan kempen menyarankan ibu bapa bercerita kepada anak-anak sebelum tidur (Berita Harian, 18 Disember 2008). Menurut Rohizani Yaakub (2009), cerita dapat memberi sumbangan kepada kejayaan akademik dan kesejahteraan emosi kanak-kanak. Islam sendiri menggalakkan aktiviti bercerita kerana Al-Quran

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

mengandungi banyak kisah. Kita disarankan untuk bercerita seperti firman Allah dalam yang bermaksud,

> '*Maka ceritakanlah kisah-kisah itu agar mereka berfikir'*.
> (Al-A'raf 7:176)

Keagungan dan kebesaran Allah boleh disampaikan melalui cerita seperti kebaikan dan keindahan makhluk ciptaan Allah iaitu serangga, haiwan dan tumbuh-tumbuhan yang sesuai dengan fitrah kanak-kanak. Mastura (2004) mengatakan cara mendidik dan perlakuan ibu bapa kepada anaknya akan memberi kesan yang kuat dalam membentuk keperibadian anak ketika dewasa kelak. Oleh itu ibu bapa wajib memberikan didikan agama yang cukup untuk membentuk keperibadian anak-anak.

Nilai yang baik ini perlu ada semenjak kanak-kanak dan nilai akidah merupakan nilai yang penting. Menurut Asmawati Suhid (2005), penerapan nilai akhlak yang berkesan berlaku apabila dikaitkan dengan kepercayaan kepada Tuhan. Beliau menjelaskan lagi bahawa Al-Ghazali menekankan maksud pendidikan ialah menanam perangai yang baik dalam diri kanak-kanak supaya mereka dapat menilai antara yang benar dan yang salah. Nilai ini boleh disampaikan melalui penceritaan buku. Dalam usaha mendidik anak- anak, surah Luqman merupakan sebuah surah yang penting dalam menggariskan panduan untuk pendidikan kanak-kanak.

Mohd Nizam dan Ahmad Hasan (2001) menyatakan mengenai perkara-perkara yang dinasihati oleh Luqman kepada anaknya selepas melaksanakan penyemaian akidah iaitu beriman kepada Allah, yakin dengan akhirat dan pembalasan Allah dan beramal dengan perintah Allah. Surah ini telah menekankan beberapa nilai penting seperti bersyukur kepada Allah, tidak mensyirikkan Allah, berhemah tinggi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

terhadap ibu bapa, menunaikan solat dan berpesan-pesan berbuat kebaikan, menjauhi sifat ego dan bersederhana. Pendidikan Keibubapaan Luqman Al-Hakim menyatakan empat dimensi utama dalam pendidikan anak-anak iaitu Akidah, Ibadah, Akhlak dan Dakwah. Ia telah menyatakan kebijaksanaan dan hikmah yang diberikan kepada Luqman dengan wasiat yang kekal untuk anaknya. Nasihat daripada Luqman ini menjadi pengajaran dan petunjuk kepada semua manusia. Pendidikan Luqman Al-Hakim menepati sasaran pendidikan yang menggunakan strategi pendidikan yang baik selaras dengan objektif Pendidikan Islam. Ini kerana terdapat beberapa ciri penting yang tidak boleh dinafikan dalam ilmu pendidikan seperti pendidikan akidah kerana ia akan menjamin kehidupan yang baik untuk masa hadapan.

Bruce dan Meggitt (2005) pula menyifatkan kurikulum kanak-kanak ialah sesuatu yang dapat membantu kanak-kanak membesar dan belajar yang mana menjadi satu tanggungjawab kepada pendidik untuk menyediakan pengalaman pembelajaran yang dapat menyokong, merangsang dan membantu menggarap potensi yang ada pada seseorang kanak-kanak dan ianya bersesuaian dengan keperluan dan keupayaan kanak-kanak melakukan atau mempelajarinya (*Department for Education and Science*, 1990). Nik Rosila (2010) menjelaskan bahawa Imam Al-Ghazali menggunakan pendekatan tertentu dalam pendidikan kanak-kanak sesuai dengan kehendak Al-Quran dan ajaran Nabi Muhammad S.A.W. Terdapat lima pendekatan yang digunakan oleh beliau iaitu mendidik, disiplin diri, mengajar, asuhan yang baik dan penyucian akhlak. Al-Ghazali juga menekankan latihan melalui kebiasaan iaitu kebiasaan yang baik perlu diterapkan kepada individu sejak dari peringkat awal kanak-kanak lagi. Kebiasaan ini penting dan berkesan kerana jiwa kanak-kanak pada tahap ini masih lagi bersih dan menerima apa-apa sahaja yang diberikan oleh ibu

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


bapa, guru dan orang di sekeliling mereka. Penjelasan perlu diberikan antara positif dan negatif, denda, ganjaran dan ancaman bergantung kepada situasi dan keadaan tertentu.

## 1.2 Penyataan masalah

Mendidik anak pada masa kini semakin menjadi sukar kerana dunia akhir zaman penuh cabaran dan dugaan (Ammar Fadzil, 2009). Cabaran globalisasi yang melanda dunia ketika ini, tempiasnya telah sampai ke negara kita. Pendedahan maklumat yang dapat dicapai dengan sekelip mata akan menggugat keimanan jika tiada asuhan dan didikan yang kuat dalam keagamaan. Oleh itu nilai murni perlu diterapkan semenjak kanak-kanak lagi. Banyak nilai murni yang perlu diterapkan kepada kanak-kanak tetapi kurang kajian yang dijalankan. Nilai akidah adalah nilai yang amat penting diterapkan kepada kanak-kanak kerana ia dapat mengawal diri daripada melakukan perkara yang tidak baik. Banyak faktor yang mendorong anak-anak pada masa kini terlibat dalam gejala sosial yang kurang sihat ini. Menurut Zainudin & Norazmah (2011), penglibatan remaja dalam pelbagai gejala sosial berpunca daripada beberapa faktor, antaranya faktor dalaman diri remaja itu sendiri dari aspek perkembangan personaliti, kegagalan fungsi institusi keluarga dan juga pengaruh rakan sebaya.

Munirah Ahmad Darsuki (2004) menyatakan masalah disiplin pelajar di sekolah dan isu moral memang tidak dapat dibendung lagi. Masalah ini dilihat semakin hari semakin meningkat. Seperti yang diketahui umum kegiatan maksiat, merakam video lucah, merogol, lumba haram, penyalahgunaan dadah dan membunuh

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


adalah antara masalah sosial remaja yang menular di negara kita sekarang. Hal ini terjadi kerana kurang penerapan nilai-nilai murni di kalangan remaja dan kurangnya kesedaran dalam diri remaja tersebut.

Azizi (2010) menyatakan bahawa pembangunan dalam zaman era globalisasi dunia hari ini telah meningkatkan cabaran khasnya bagi ibu bapa dan pendidik dalam memastikan pembangunan insan dan pembinaan generasi dititikberatkan. Namun begitu setiap hari kita dikejutkan dengan pelbagai masalah sosial kerana keberkesanan daripada pendidikan yang diharapkan tidak dapat membentuk sahsiah dan peribadi pelajar yang diharapkan. Setiap individu perlu insaf bahawa delikuensi dan keruntuhan akhlak pelajar menandakan ada kesilapan pada bahagian tertentu dalam pendidikan samada formal dan tidak formal. Masyarakat juga perlu insaf bahawa pendidikan bukanlah tugas pihak tertentu tetapi adalah amanah dan tanggungjawab semua meliputi individu, ibu bapa, kepimpinan masyarakat dan negara. Menurut beliau lagi antara faktor permasalahan tersebut ialah tidak menitikberatkan agama, mengkesampingkan agama demi mengejar modenisasi serta kekurangan dan kelemahan iman.

Justeru itu, permasalahan sosial ini perlu ditangani semenjak usia kanak-kanak lagi. Ini adalah kerana kanak-kanak merupakan aset penting bagi pembinaan suatu bangsa dan ketinggian maruah agama. Dalam sejarah Islam, Ibnu Miskawasih begitu menekankan pentingnya pendidikan akhlak dan pembentukan sahsiah, begitu juga Imam Al-Ghazali yang banyak menyumbang kepada perkembangan sosio-emosi kanak-kanak. Kepentingan pendidikan kanak-kanak di peringkat awal dan cabaran pembangunan perindustrian pesat dalam era globalisasi yang berlaku dalam dunia hari

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

ini telah meningkatkan cabaran membentuk generasi akan datang khasnya bagi ibubapa dan pendidik muslim. Dalam menempuh alam siber dan teknologi maklumat, tidak dapat dinafikan pembangunan insan dan pembinaan generasi perlu dititikberatkan selari dengan keprihatinan terhadap kepesatan kemajuan negara. Mereka bakal menjadi pemimpin ummah dan mencorak keunggulan Islam sebagai agama sejagat (Mastura Badzis, 2008). Menurutnya lagi, Katz (1985) menyatakan pendedahan akademik atau kemahiran asas kepada kanak-kanak di peringkat terlalu awal akan merosakkan perkembangan minat belajar kanak-kanak.

Menurut Mastura (2008), segala apa yang dilihat dan didengari oleh seorang kanak-kanak dari persekitarannya adalah merupakan satu pendidikan baginya kerana yang nyata bagi kanak-kanak di peringkat awal umur, mereka tidak dapat membezakan yang baik dan yang buruk. Barat dan Islam mempunyai perspektif yang sama dalam hal ini, kanak-kanak perlu dibentuk dan dididik sejak dari awal. Apa yang membezakan ialah Islam menekankan pembentukan sahsiah seseorang kanak-kanak bukan hanya kelakuan fizikalnya tetapi pemantapan akhlak perlu diterapkan seiring dengan penerapan keimanan di dalam ruh dan jiwanya.

Nur Surahmat (2003) dalam kajiannya menyatakan peranan taman kanak-kanak yang mengajar pendidikan agama dan umum amat penting bagi melahirkan generasi-generasi yang beriman dan berwawasan luas. Nilai-nilai ajaran Islam yang dimuat dan diajarkan meliputi Ilmu Akidah, Fiqh, Akhlak dan Sirah. Ini bertujuan menghadapi era globalisasi yang semakin mencabar dan anak-anak anak harus dibentengi dengan ilmu agama. Di zaman ini banyak pengaruh-pengaruh yang mulai mempengaruhi anak-anak, sehingga tidak terasa menjurus kepada perbuatan syirik

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

sama ada melalui media elektronik mahupun cetak. Kadang kala kita tidak tahu ianya sudah menyimpang dari agama. Oleh karena itu mulai usia prasekolah anak dikenalkan dan diajarkan tentang akidah yang benar, kerana akidah merupakan dasar bagi Agama Islam.

Kajian tentang penerapan nilai murni melalui pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah oleh Nor Hashimah (2000) mendapati bahawa guru berada dalam keadaan dilema disebabkan oleh perkara-perkara yang dilihat oleh masyarakat bukan nilai terterap dalam pengajaran tetapi pencapaian akademik. Ini disokong oleh Chew Fong Peng (2008) yang menyatakan bahawa program prasekolah yang menekankan akademik menyebabkan kanak-kanak mengalami kegagalan dan kehilangan kepercayaan diri. Keadaan ini akan menjadikan kanak-kanak tertekan, kehilangan minat belajar dan menimbulkan masalah pembelajaran di bilik darjah.

Daripada huraian permasalahan yang telah dinyatakan jelas di sini bahawa pendidikan bermula kepada kanak-kanak prasekolah amat perlu dititikberatkan bagi menangani permasalahan remaja masa kini yang mempunyai cabaran yang hebat. Justeru, bagi menangani permasalahan tersebut, pendidikan akidah merupakan asas penting dalam pendidikan kerana akidah yang mantaplah dapat menjadi benteng kepada seseorang individu menjauhi dirinya daripada terlibat dengan permasalahan sosial. Anggapan yang menyatakan bahawa kanak-kanak masih kecil untuk menerima hakikat ketuhanan adalah salah kerana sebenarnya setiap bayi yang lahir diciptakan Allah S.W.T di atas fitrah keimanan. Allah berfirman yang bermaksud,

> *"Dan (ingatlah) ketika Rabb-mu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap jiwa mereka (seraya berfirman) 'Bukankah Aku ini Rabb-mu?'*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

> *Mereka menjawab, 'betul (Engkau Rabb kami), kami menjadi saksi.' (Kami lakukan yang demikian itu) agar di hari kiamat kamu tidak mengatakan, 'Sesungguhnya kami (Bani Adam) adalah orang yang lengah terhadap ini (keesaan Allah.'* (Surah Al-A'rof ayat 172).

Maka kajian ini perlu diketengahkan agar dapat melihat kesan daripada penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim untuk menerapkan perlakuan akidah kepada kanak-kanak. Dengan adanya buku bersiri ini maka ia memberi alternatif kepada ibu bapa dan guru menyampaikan nilai yang baik kepada kanak-kanak dengan teknik yang sesuai dan menggembirakan mereka iaitu melalui penceritaan buku bersiri ini. Maznah & Zakiah (2007) dalam kajian mereka mengatakan kanak-kanak tidak mempunyai kemampuan untuk menjangka akibat sesuatu perkara ke atas diri mereka dan mereka juga tidak tahu membezakan perkara yang membawa manfaat atau sebaliknya. Khalid Abdurrahman (2008) pula menyatakan ibu bapa perlu memilih buku-buku bacaan yang sesuai untuk anak-anak kecil khususnya bagi mereka yang berumur tujuh tahun. Ini sangat penting bagi ibu bapa mengajak anak-anak membaca buku-buku agama mulai dengan Al-Quran dan Al-Sunnah serta tafsirannya, Sejarah Islam, Fiqh Islam dan lain-lain agar mereka terarah kepada perkara yang positif dan berilmiah.

Menurut Azrina Sobian (2007), mendidik anak pada era ini adalah satu cabaran yang besar terhadap para ibu bapa. Dalam keadaan ibubapa kesuntukan masa untuk mendidik anak-anak dengan nilai-nilai yang sepatutnya, anak-anak pula terdedah kepada pelbagai pengaruh luar yang lebih dominan. Secara fitrahnya, kanak-kanak mempunyai sifat semulajadi yang tersendiri dan mereka juga memiliki sifat-sifat yang diperolehi hasil tindak balas dengan persekitaran mereka. Oleh itu

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS


pendidikan akidah harus dipupuk dan diterapkan sejak awal supaya kanak-kanak mendapat pedoman yang betul dan mengarahkan haluan dan pegangan mereka.

## 1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat kesan penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim berdasarkan kepada perbezaan ujian pra dan ujian pos terhadap perlakuan nilai akidah dalam aspek perlakuan nilai beriman, nilai bersyukur dan nilai pembalasan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

## 1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan kepada tujuan yang telah dinyatakan tadi, objektif kajian ialah:

1.4.1 Melihat kesan penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim terhadap perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai beriman kanak-kanak prasekolah.

1.4.2 Melihat kesan penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim terhadap perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai bersyukur kanak-kanak prasekolah.

1.4.3 Melihat kesan penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim terhadap perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai pembalasan kanak-kanak prasekolah.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

## 1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian, maka terdapat beberapa persoalan yang boleh dikemukakan iaitu:

1.5.1 Adakah terdapat kesan penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim terhadap perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai beriman kanak-kanak prasekolah?

1.5.2 Adakah terdapat kesan penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim terhadap perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai bersyukur kanak-kanak prasekolah?

1.5.3 Adakah terdapat kesan penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim terhadap perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai pembalasan kanak-kanak prasekolah?

## 1.6 Hipotesis Kajian

Berpandukan kepada tujuan dan objektif di atas, hipotesis yang ingin dibuktikan di dalam kajian ini ialah;

Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai beriman ujian pra antara kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan.

Ho2 Tidak terdapat perbezaan min perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai beriman ujian pra dan ujian pos kumpulan rawatan.

Ho3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai beriman ujian pra dan ujian pos kumpulan kawalan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Ho4 Tidak terdapat perbezaan signifikan min perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai beriman ujian antara kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan.

Ho5 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai bersyukur ujian pra antara kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan.

Ho6 Tidak terdapat perbezaan min perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai bersyukur ujian pra dan ujian pos kumpulan rawatan.

Ho7 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai bersyukur ujian pra dan ujian pos kumpulan kawalan.

Ho8 Tidak terdapat perbezaan signifikan min perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai bersyukur pos ujian antara kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan.

Ho9 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai pembalasan ujian pra antara kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan.

Ho10 Tidak terdapat perbezaan min perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai pembalasan ujian pra dan ujian pos kumpulan rawatan.

Ho11 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai pembalasan ujian pra dan ujian pos kumpulan kawalan

Ho12 Tidak terdapat perbezaan signifikan min perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai pembalasan pos ujian antara kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

**1.7 Kepentingan Kajian**

Berdasarkan objektif kajian dan masalah kajian di atas, kajian ini perlu diketengahkan. Kajian ini bertujuan melihat sejauh manakah terdapat kesan penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim yang bertemakan perlakuan nilai akidah. Siri bercerita ini boleh memupuk nilai kepada kanak-kanak. Ia juga penting kepada ibu bapa yang boleh menggunakan buku bersiri ini sebagai bahan untuk bercerita dengan anak-anak mereka. Selain itu pihak sekolah boleh menggunakan buku ini sebagai alat bantu mengajar kepada guru menjalankan pembelajaran dan pengajaran kepada kanak-kanak melalui teknik penceritaan. Contoh pendidikan keibubapaan daripada Luqman Al-Hakim digunakan kerana ia mampu memberi sumbangan ke arah kejayaan akademik dan kesejahteraan emosi kanak-kanak (Rohizani, 2009). Selain itu, bahan bercerita yang digunakan sebagai alat untuk pembelajaran, bercerita dapat dijadikan juga alat untuk menggalakkan pelajar meneroka keunikan diri mereka. Ia juga dapat meningkatkan tahap kebolehan mereka berkomunikasi melalui pemikiran dan perasaan serta meluahkannya dalam bentuk oral yang teratur. Kanak-kanak lebih cepat belajar perkara yang diminati dan bercerita sangat menarik perhatian mereka.

Kanak-kanak tidak boleh ditekankan mengenai prinsip akidah seperti ditekankan kepada orang dewasa. Oleh itu teknik bercerita digunakan untuk menerapkan prinsip tersebut. Dimensi akidah menerapkan konsep meyakini Allah sentiasa bersama dan melihat perbuatan kita serta sentiasa bersyukur dan berterima kasih atas nikmat yang diberi. Oleh sebab itu, pendedahan awal menjadi titik mula yang amat penting kepada kanak-kanak. Kepentingan menerapkan dimensi akidah ini

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

boleh diterapkan dengan bercerita menggunakan penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim.

Kanak-kanak mestilah dididik supaya mengenal pencipta dan pentadbir alam ini iaitu Allah S.W.T. (Ismail Kamus, 2009). Pendidikan keimanan bertitik tolak dari pengertian Islam sebagai cara hidup (*Islam is a way of life*) yang berpegang kepada Al-Quran sebagai wahyu Allah yang benar secara mutlak dan menerima Rasulullah S.A.W. sebagai contoh yang terbaik. Asas keimanan kepada Allah ditanamkan kepada kanak-kanak kerana mengetahui dan beriman kepada Allah merupakan asas agama. Al-Zuhaily (2000) melalui penulisan jurnal menyatakan, perkara pertama yang perlu ditanam ke dalam diri dan jiwa orang Islam semasa kanak-kanak ialah meyakini kewujudan Allah dan mengesakannya, diikuti dengan kasihkan Allah dan mensyukuri segala kurniaanNya kepada manusia.

Semua prasekolah wajib berpegang pada garis panduan kurikulum yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan. Kurikulum Kebangsaan Prasekolah (2001) yang selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara membolehkan kanak-kanak prasekolah memperolehi asas komunikasi, kemahiran sosial dan kemahiran lain yang positif seperti fizikal, intelektual, emosi, rohani dan nilai estetika sebagai persediaan di sekolah rendah. Ini bermakna kurikulum pendidikan mestilah mempunyai wasilah yang dapat memfokuskan kepada proses memperkembangkan potensi individu daripada pelbagai sudut (Kulanz Salleh, 2008). Penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim diharapkan dapat memberi kesan kepada perlakuan nilai akidah kanak-kanak sesuai dengan pelaksanaan kurikulum prasekolah yang mengharapkan kanak-kanak memperolehi nilai rohani serta dapat memperkembangkan diri kanak-kanak.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P



## 1.8 Definisi Konsep

Dalam menyiapkan kajian ini, terdapat beberapa istilah yang telah dikenal pasti dan didefinisikan seperti di bawah ini.

### 1.8.1 Penceritaan

Penceritaan merupakan suatu seni yang menggunakan bahasa, pergerakan dan mimik muka untuk melontarkan idea dan merangsang daya imaginasi pendengar. Abd Aziz (2003) menyatakan penyampaian cerita menempati posisi pertama untuk merubah etika kanak-kanak kerana sebuah cerita mampu menarik kanak-kanak untuk menyukai dan memperhatikannya. Penceritaan merupakan cara yang lebih khusus atau spesifik yang digunakan untuk mengajar dan boleh wujud dalam bentuk aktiviti, strategi, taktik dan bahan atau alat yang berkaitan untuk menyokongnya (Abd. Aziz, 2000). Manakala menurut McDrury dan Alterio (2001) penceritaan dikenal pasti sebagai suatu cara yang paling berkesan untuk menyampaikan idea dan mengakibatkan perubahan dalam pembelajaran.

Penceritaan disampaikan secara bacaan kuat. Membaca kuat bersifat redeskriptif iaitu bacaan yang bunyi-bunyian muncul bukan secara sewenang-wenang tetapi harus mampu menggambarkan isi cerita serta suasana awal yang dipaparkan dalam teks tertulis. Oleh kerana itu, untuk penceritaan yang disampaikan secara membaca kuat harus dapat berhasil dengan baik, maka ia harus ditunjang kemampuan menghafal, kualiti bunyi, tempo dan irama serta penguasaan aspek gerak tubuh.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

### 1.8.2 Buku Bersiri

Menurut Kamus Dewan (2003), buku ialah helaian kertas berjilid yang berisi tulisan untuk dibaca dan sebagainya manakala bersiri bermaksud rangkaian sesuatu yang sama seperti buku dan cerita yang dikeluarkan berturut-turut. Oleh itu buku bersiri merupakan rangkaian buku yang dikeluarkan secara berturut-turut.

### 1.8.3 Perlakuan Nilai Akidah

Menurut Abdullah (2007), dari sudut bahasa akidah diambil dari kata dasar *al-'aqdu i*aitu *ar-rabth* (ikatan), *al-Ibraam* (pengesahan), *al-ihkam* (penguatan), *at-tawatstsuq* (menjadi kokoh, kuat), *asy-syaddu biquwwah* (pengikatan dengan kuat), *at-tamaasuk* (pengokohan) dan *al-itsbaatu* (penetapan). Di antaranya juga mempunyai arti *al-yaqiin* (keyakinan) dan *al-jazmu* (penetapan). Ini bermaksud akidah ialah ketetapan yang tidak ada keraguan pada orang yang mengambil keputusan. Sedang pengertian akidah dalam agama maksudnya adalah berkaitan dengan keyakinan bukan perbuatan.

Dari segi istilah, Abdullah (2007) menyatakan akidah ialah perkara yang wajib dibenarkan oleh hati dan jiwa menjadi tenteram kerananya, sehingga menjadi suatu kenyataan yang teguh dan kukuh, yang tidak dicampuri oleh keraguan dan kebimbangan. Dengan kata lain, keimanan yang pasti tidak terkandung suatu keraguan apapun pada orang yang menyakininya dan harus sesuai dengan kenyataannya yang tidak menerima keraguan atau prasangka. Jika hal tersebut tidak sampai pada singkat keyakinan yang kukuh, maka tidak dinamakan akidah. Oleh itu

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

akidah ialah keyakinan yang bersungguh bahawa Allah s.w.t. adalah tuhan segala-galanya yang berhak disembah dan dirujuk segala amalan. Ibn Taimiyah (1263) pula mendefinisikan akidah sebagai perkara yang dibenarkan oleh jiwa, hati menjadi tenang kerananya, beroleh keyakinan di hati penganutnya dan tidak bercampur dengan sebarang keraguan. Perlakuan nilai akidah adalah nilai yang terhasil daripada seorang yang berakidah iaitu keyakinan, pemikiran, tujuan, serta amalan zahir atau batin baik pada diri, keluarga, masyarakat, negara dan seluruh dunia.

Menurut Sadirman (2006), nilai keimanan kepada kanak-kanak ialah mengakui dan mempercayai bahawa Allah itu wujud, diajar mengenal Tuhan dan Rasul supaya menerima Islam sebagai satu-satunya agama yang benar. Ia juga dikaitkan dengan pengetahuan mengenai benda-benda yang tidak boleh disembah oleh orang-orang yang beriman. Ammar Fadzil (2009) menyatakan nilai keimanan dituntut kepada setiap individu dan diajar kepada kanak-kanak mestilah iman yang sebenar seperti diturunkan oleh Tuhan dan dijelaskan oleh Rasulnya.

**1.8.4 Kanak-kanak Prasekolah**

Menurut Akta Pendidikan 1996 kanak-kanak prasekolah ialah yang berumur 4 hingga 6 tahun dalam jangka masa satu tahun atau lebih sebelum memasuki ke tahun satu Kanak-kanak pada peringkat umur ini bertujuan untuk menyuburkan potensi mereka dalam semua aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan masuk ke sekolah rendah.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


## 1.9 Definisi Operasional

Dalam menyiapkan kajian ini, terdapat beberapa istilah yang telah dikenal pasti dan didefinisikan seperti di bawah ini.

### 1.9.1 Penceritaan

Penceritaan dalam kajian ini bermaksud penyampaian penceritaan daripada guru kepada kanak-kanak yang terlibat dengan cara bertutur menggunakan teknik bercerita secara bacaan kuat. Pembacaan cerita secara kuat dijalankan dengan cara kanak-kanak berkumpul dan mendengar guru membacakan buku bersiri Luqman Al-Hakim secara kuat kepada mereka. Teknik membaca kuat ini melibatkan komunikasi dua hala iaitu guru bercerita kepada kanak-kanak di samping bersoal jawab mengenai isi kandungan serta nilai yang terdapat di dalam penceritaan yang dijalankan. Aminuddin (2000) dalam modul ‘Pembacaan Cerita’ membaca kuat bermaksud membaca yang dilaksanakan secara bersuara sesuai dengan aksentuasi, intonasi dan irama yang benar selaras dengan gagasan serta suasana penuturan dalam teks yang dibaca.

Dalam kajian ini, penceritaan merupakan cara yang lebih khusus atau spesifik yang digunakan untuk mengajar atau menerapkan perlakuan nilai akidah. Ia boleh wujud dalam bentuk aktiviti, strategi, taktik dan bahan atau alat yang berkaitan untuk menyokongnya (Abd. Aziz, 2000). Pelaksanaan penceritaan menggunakan buku bersiri Luqman Al-Hakim dapat mengenal pasti sejauh mana perlakuan nilai akidah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS


dalam aspek nilai beriman, bersyukur dan pembalasan dapat dicapai dalam kalangan kanak-kanak prasekolah yang terlibat.

### 1.9.2 Buku Bersiri Luqman Al-Hakim

Buku bersiri yang digunakan di dalam kajian ini merupakan Buku Keluargaku Gemilang Siri Bercerita Luqman Al-Hakim mengandungi 13 buah siri cerita didikan untuk kanak-kanak yang merupakan salah satu produk di dalam Kit Keibubapaan Mumtaz. Matlamat siri bercerita ini adalah untuk menggalakkan ibu bapa bercerita kepada anak-anak dan memperkenalkan 13 nilai terpuji iaitu bersyukur, beriman, pembalasan, penghayatan solat, khusyuk solat, hikmat solat, taat ibu bapa, bersederhana, komunikasi dan rendah hati dan bersabar, mengajak berbuat baik dan mencegah berbuat jahat. Keunikan buku siri bercerita ini kerana nilai di dalamnya bersumberkan pendekatan Keibubapaan Luqman Al-Hakim yang diambil daripada Surah Luqman (ayat 12-16) dan ia merupakan yang pertama dihasilkan di Malaysia.

Buku bersiri ini megandungi siri didikan untuk kanak-kanak, merupakan salah satu produk di dalam Kit Keibubapaan Mumtaz. Ia dihasilkan oleh sekumpulan penyelidik daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Malaya iaitu Fauziah Hanim, Ibrahim Hashim, Nazariah dan Melati Sumari (2011). Ia mengandungi buku cerita, aktiviti bersama keluarga, buku mewarna dan *game board*. Produk yang direka dan ianya telah terbukti untuk meningkatkan pengetahuan, amalan dan interaksi kanak-kanak. Ia telah dipertandingkan di peringkat kebangsaan PECIPTA 2011 bagi kategori IPT dan telah memenangi pingat perak.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


Siri bercerita ini mengisahkan bagaimana keluarga Encik Ibrahim menghadapi cabaran kehidupan dan menyelesaikan masalah dengan pelbagai cara berhikmah. Matlamat siri bercerita ini ialah untuk menggalakkan bercerita kepada anak-anak dan memperkenalkan nilai terpuji. Siri bercerita ini bersumberkan pendekatan Keibubapaan Luqman Al-Hakim yang diambil daripada kupasan panduan pendidikan Luqman Al-Hakim yang dinyatakan di dalam Surah Luqman ayat 12-16.

Kajian yang dijalankan ini adalah berdasarkan penceritaan menggunakan buku bersiri Luqman Al-Hakim bagi melihat kesan perlakuan nilai akidah yang diperolehi oleh kanak-kanak. Modul ini mengandungi 13 buah cerita siri didikan kanak-kanak menekankan empat dimensi iaitu akidah, ibadah, akhlak dan dakwah yang mencakupi 13 nilai. Namun dalam kajian ini pengkaji tidak mengkaji secara menyeluruh kepada empat dimensi tersebut. Kajian ini hanya melihat kepada dimensi akidah yang akan menilai keberkesanan penghayatan nilai akidah iaitu nilai beriman, bersyukur dan pembalasan. Tiga buah buku daripada buku bersiri Luqman Al-Hakim digunakan untuk tujuan kajian ini iaitu buku hasil ciptaan penyelidik yang telah menjalankan kajian terhadap keluarga muslim. Pembangunan modul Luqman Al-Hakim ini adalah melalui *Fundimental Reseach Grant Scheme IPT*, 2011.

Buku bersiri yang bertemakan perlakuan Nilai akidah dalam aspek nilai beriman bertajuk ’Bilal dan Batu Besar’. Buku ini menceritakan bagaimana Puan Hajar menerapkan nilai-nilai murni khususnya nilai beriman. Beliau telah bercerita kepada anak-anaknya kisah sahabat Rasulullah yang bernama Bilal bin Rabah iaitu seorang sahabat yang mempunyai suara yang lunak dan menjadi muazzin pertama melaungkan azan. Beliau adalah hamba kepada Umaiyyah bin Khalaf yang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

menyembah berhala. Walaupun Bilal menjadi hamba kepada tuannya yang kufur dengan Allah, namun beliau adalah seorang yang berjuang mempertahankan akidahnya. Dalam cerita ini disarankan kepada anak-anak agar mencontohi pendirian Bilal yang mempertahankan akidahnya walaupun telah diseksa dengan pelbagai seksaan kerana keengganannya menyembah berhala seperti kehendak tuannya. Akibatnya beliau diseksa seperti membaringkannya di atas pasir di bawah cahaya matahari yang panas terik, manakala tangan dan kakinya diikat dengan batu besar. Kanak-kanak dapat menghayati ketabahan Bilal menanggung siksaan yang dilakukan oleh tuannya hanya semata-mata mempertahankan akidahnya kepada Allah yang Maha Esa.

Keunikan buku ini ialah kerana terdapat kalimah seperti Allahuakbar, Subhanallah yang diwarnakan merah dan kanak-kanak akan menyebutnya apabila berjumpa dengan kalimah tersebut sewaktu penceritaan. Cerita ini juga memberi kesedaran kepada kanak-kanak mengenai sifat Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang kerana Allah tidak membiarkan Bilal terus diseksa oleh tuannya. Abu Bakar As-Siddiq iaitu sahabat Rasulullah telah memerdekakan Bilal dengan bayaran sembilan Uqiyah emas kepada Umayyah. Setelah Bilal dimerdekakan Allah telah mengangkat darjatnya daripada seorang hamba kepada seorang muazzin. Cerita ini juga mendedahkan kepada kanak-kanak bahawa Bilal adalah seorang yang dijamin masuk syurga kerana keimanan dan kemantapan akidahnya walaupun pada asalnya beliau hanyalah seorang hamba.

Di dalam buku ini juga diceritakan bagaimana anak-anak Puan Hajar yang mempersoalkan keyakinan Bilal kepada kewujudan Allah sedangkan Allah tidak

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS


dapat dilihat. Puan Hajar telah menanamkan keyakinan kepada anak-anak melalui udara dan elektrik yang manusia gunakan tetapi tidak dapat dilihat lalu ditanamkan keyakinan bahawa walaupun Allah tidak dapat dilihat tetapi Allah itu wujud. Buku bersiri ini juga menyebut mengenai Allah Maha pencipta yang telah menciptakan langit, matahari dan manusia. Akhirnya harapan Puan Hajar agar anak-anaknya memahami kisah Bilal dan sentiasa yakin dengan kewujudan Allah.

Seterusnya buku bersiri bertemakan perlakuan nilai bersyukur bertajuk ’Kerana Mendengar Suara Semut’. Buku ini telah membawa pendengar ke sebuah taman permainan kanak-kanak bersama dengan Puan Hajar dan anak-anaknya. Kisahnya bermula apabila anak Puan Hajar telah digigit semut lalu dipijaknya semut itu dengan perasaan geram. Puan Hajar telah menerangkan perbuatan memijak semut perlu dihindari kerana ianya berkaitan dengan kisah Nabi Sulaiman yang dikurniakan mukjizat oleh Allah memahami bahasa haiwan. Pada suatu hari ketika Nabi Sulaiman dan tenteranya sampai di lembah semut, seekor semut telah mengingatkan semut-semut yang lain supaya segera masuk ke dalam sarang mereka agar tidak dipijak oleh Nabi Sulaiman dan tenteranya. Nabi Sulaiman yang mendengar kata-kata semut itu hanya tersenyum lantas baginda berdoa seperti firman Allah yang bermaksud,

> ”*Ya Tuhanku, anugerahkanlah aku ilham untuk tetap mensyukuri nikmatMu yang telah Engkau anugerahkan kepadaku dan kepada orang tuaku agar aku mengerjakan kebajikan yang Engkau redhai, dan masukkanlah aku dengan rahmatMu ke dalam golongan hamba-hambaMu yang soleh”* (An-Naml 27;18-19)

Dalam cerita ini diterangkan bahawa banyak lagi mukjizat Nabi Sulaiman, tetapi baginda tetap menjadi hamba yang bersyukur iaitu tidak membunuh binatang seperti semut. Selain itu Nabi Sulaiman juga bersyukur kerana Allah mengurniakan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


baginda memahami bahasa binatang. Cerita ini menerangkan bahawa antara sebab Nabi Sulaiman tidak memijak semut adalah kerana setiap ciptaan Allah ada manfaatnya. Justeru, manusia perlulah sentiasa bersyukur dan berterima kasih apabila mendapat nikmat dan pemberian. Bersyukur juga dapat diaplikasikan dengan cara mengasihi binatang dan makhluk Allah yang lain.

Bagi buku bersiri bertemakan perlakuan nilai pembalasan pula bertajuk ’Budak Perempuan Yang Bijak’, memaparkan kisah Puan Hajar yang bercerita dengan anaknya sebuah kisah di zaman Khalifah Umar Al-Khattab terdapat seorang penjual susu bersama dengan anaknya. Pada suatu malam Khalifah Umar membuat rondaan seperti kebiasaan bersama pengiring-pengiringnya. Tiba-tiba baginda terdengar perbualan seorang penjual susu dengan anak perempuannya di dalam rumah mereka. Penjual susu tersebut telah mengajak anaknya mencampurkan susu dengan air supaya susu mereka menjadi banyak dan akan mendapat hasil yang lebih menguntungkan.

Namun begitu anak perempuan penjual susu itu telah melarang ibunya berbuat demikian kerana perbuatan tersebut telah dilarang oleh Khalifah Umar. Penjual susu itu lantas menyatakan bahawa Khalifah Umar tidak nampak perbuatan mereka lalu, anak perempuannya menegaskan lagi bahawa walaupun Khalifah Umar tidak nampak perbuatan mereka tetapi Allah sentiasa melihat apa yang mereka lakukan. Puan Hajar telah membawa anak-anaknya untuk berfikir perbuatan yang dilarang itu.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


Cerita ini menunjukkan bahawa anak perempuan penjual susu itu telah dapat membezakan antara perbuatan baik dan buruk. Walaupun dia masih kecil, dia berasa takut kepada Allah untuk melakukan perkara yang tidak baik kerana dia meyakini balasan daripada Allah. Cerita ini juga mengaitkan setiap perbuatan manusia pasti akan sentiasa diperhatikan oleh Allah. Allah akan membalas perbuatan manusia iaitu balasan baik bagi syurga dan balasan tidak baik iaitu neraka. Cerita ini juga mengingatkan kepada kanak-kanak mengenai Malaikat Raqib dan Atid yang akan mencatat setiap amalan baik dan buruk pada setiap masa.

### 1.9.3 Perlakuan Nilai Akidah

Perlakuan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah menunjukkan tingkah laku tiga nilai yang dikaji di dalam kajian ini. Nilai merupakan suatu hasilan sosial yang telah diinternalisasi dan digunakan oleh seseorang guru sebagai kriteria dirinya sendiri. Ini menunjukkan nilai merupakan kecenderungan seseorang tentang bagaimana sepatutnya atau tidak sepatutnya bertingkah laku atau berkecenderungan seseorang melakukan sesuatu perkara. Dalam menjalankan kajian ini nilai yang cuba diterapkan daripada siri bercerita dalam dimensi Akidah terdiri daripada nilai terpuji iaitu beriman, bersyukur dan pembalasan.

Perlakuan nilai beriman dikaitkan dengan kepercayaan kepada kewujudan Allah yang Maha Esa yang bersifat dengan sifat-sifat kesempurnaan. Dalam konteks kajian ini kanak-kanak akan memahami Allah sebagai pencipta dan yang hanya layak disembah. Di dalam penceritaan ini juga kanak-kanak dapat menguasai perlakuan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P



nilai dengan melakukan perkara-perkara berikut iaitu meyakini kewujudan Allah, menyebut Allah ‘Ahad’, mengingati Allah dengan menyebut bacaan basmallah apabila ingin melakukan sesuatu pekerjaan, membezakan benda-benda yang tidak boleh disembah oleh manusia selain Allah dan mengetahui bahawa manusia adalah ciptaan Allah.

Perlakuan nilai beriman dikaitkan dengan isi penceritaan daripada buku bersiri Luqman Al-Hakim yang bertajuk ‘Bilal dan Batu Besar’. Penceritaan di dalam buku ini diharap dapat membentuk perlakuan nilai beriman kepada Allah seperti firman Allah yang bermaksud

> ‘*Dan ingatlah ketika Luqman berkata kepada anaknya, hai anakku, janganlah kamu mempersekutukan Allah, sesungguhnya mempersekutukan Allah merupakan kezaliman yang besar. (*Luqman 31;13)

Buku bersiri ‘Kerana Mendengar Suara Semut’ mendedahkan kepada kanak-kanak perlakuan nilai bersyukur. Nilai bersyukur dapat memberikan kesedaran kepada kanak-kanak untuk memahami semua ciptaan Allah di muka bumi dan ini semua untuk kepentingan kehidupan manusia. Semua ciptaan Allah akan sentiasa membawa hikmah yang tidak dapat dihitung oleh manusia. Sardiman (2006) dalam ‘*The analysis of Luqman Al-Hakim’s Educational Model In Al-Quran*’ menyatakan Luqman menekankan bersyukur kepada Allah atas nikmat-nikmatNya. Ia dijelaskan di dalam firman Allah yang bermaksud,

> “*Bersyukurlah kepada Allah dan barangsiapa yang bersyukur (kepada Allah) maka sesungguhnya ia bersyukur untuk dirinya sendiri.*” (Luqman 31;12)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Perlakuan nilai bersyukur dalam kajian ini akan mendedahkan kepada kanak-kanak selalu mengucapkan lafaz 'Alhamdulillah' apabila mendapat nikmat dan ucapan 'Subhanallah' apabila melihat kekuasaan Allah selain mereka juga boleh menuturkan mengenai nikmat-nikmat yang Allah berikan kepada mereka. Selain itu perlakuan nilai Bersyukur menekankan berbuat baik dan berbakti kepada ibu bapa. Maksud berbuat baik ialah selalu bersyukur setiap saat menerima nikmat yang dilimpahkan kepada mereka. Bagi kanak-kanak konsep bersyukur merupakan nilai yang diterapkan melalui perlakuan mereka seperti ucapan berterima kasih mampu diucapkan kepada orang di sekeliling mereka seperti ibu bapa, guru dan rakan-rakan (Surayah Zaidon & Haslinda, 2009). Selain itu nilai bersyukur dalam kajian ini juga menekankan kepada kanak-kanak mengenai kasih dan belas kasihan kepada makhluk Allah yang lain seperti binatang (Sardiman, 2006).

Perlakuan nilai pembalasan pula menekankan pendidikan kepada kanak-kanak supaya mempercayai kewujudan hari akhirat iaitu tempat manusia akan menerima pembalasan di atas segala perbuatan mereka sama ada baik atau jahat. Nilai pembalasan diterapkan di dalam buku bersiri Luqman Al-Hakim yang bertajuk 'Budak Perempuan Yang Bijak'. Menurut Sardiman (2006), kanak-kanak dapat menilai dan mengetahui sesungguhnya manusia selepas mati akan dikembalikan semula kepada Alllah s.w.t. Allah juga akan memberikan ganjaran dan balasan setimpal dengan perbuatan yang dilakukan manusia semasa hayat (Wahbah al-Zuhailli, *et al.*, 2002). Firman Allah bermaksud,

> '*Luqman berkata, wahai anakku, sungguh jika ada sesuatu perbuatan seberat biji sawi dan berada dalam batu atau di langit atau di bumi, nescaya Allah akan memberinya balasan'. (*Luqman 31;16*)*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Perlakuan nilai pembalasan kanak-kanak adalah mereka selalu mengucapkan lafaz istighfar dan mengetahui kewajipan meminta maaf dengan orang lain apabila melakukan kesalahan. Kanak-kanak juga dapat membezakan perlakuan-perlakuan yang baik dan yang tidak baik (Surayah Zaidon & Haslinda, 2009).

### 1.9.4 Kanak-kanak Prasekolah

Kanak-kanak prasekolah dalam konteks kajian ini bermaksud kanak-kanak yang belajar di prasekolah berumur enam tahun.

## 1.10 Teori Berkaitan

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan Teori Imam Al-Ghazali dan Teori Pembelajaran Kolb sebagai kerangka konsep kajian.

### 1.10.1 Teori Imam Al-Ghazali

Menurut Noor Shakirah (2008), teori ini diasaskan oleh Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Ahmad Al-Ghazali. Al-Ghazali berpandangan seorang kanak-kanak harus dididik sejak lahir dengan pelajaran agama agar mereka memperolehi tingkah laku yang mulia, merendah diri, tidak berbohong, bersederhana dalam perlakuan dan tidak berkawan dengan orang jahat. Menurut Mahyuddin (2001), Al-

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Ghazali menyatakan pendidikan adalah proses memanusiakan manusia sejak masa kejadiannya sampai akhir hayatnya melalui berbagai ilmu pengetahuan yang disampaikan dalam bentuk pengajaran secara bertahap, dimana proses pengajaran itu menjadi tanggung jawab ibu bapa dan masyarakat menuju pendekatan diri kepada Allah sehingga menjadi manusia sempurna. Proses pendidikan haruslah mengarah kepada pendekatan diri kepada Allah dan kesempurnaan insan, mengarahkan manusia untuk mencapai tujuan hidupnya iaitu kebahagian dunia dan akhirat. Ilmu pengetahuan itu sendiri tidak akan dapat diperoleh manusia kecuali melalui pengajaran.

Menurut Al Ghazali antara tujuan pendidikan adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah yang akan mewujudkan kemampuan dan kesedaran diri melaksanakan ibadah wajib dan sunah, menggali dan mengembangkan potensi, mewujudkan profesionalisasi manusia untuk mengembangkan tugas keduniaan dengan sebaik-baiknya dan membentuk manusia berakhlak mulia. Pendidikan dimulai dengan hafalan dan pemahaman, kemudian dengan keyakinan dan kebenaran yang akan menunjang kekuatan akidah. Cara untuk mencegah manusia dari keraguan terhadap persoalan agama ialah adanya keimanan terhadap Allah, menerima dengan jiwa yang jernih dan akidah bermula pada usia yang masih kecil lagi.

Menurut Abdullah Nasikh (1984), Al-Ghazali mementingkan persoalan pendidikan akidah untuk kanak-kanak. Pendidikan akidah perlu disampaikan secara berperingkat iaitu peringkat pertama sebaik selepas kelahiran iaitu akidah semata-mata seperti memperdengarkan kalimah tauhid melalui azan dan iqomah. Apabila besar sedikit kanak-kanak iaitu peringkat usia mumayyiz, mereka diajar memahami

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

sedikit demi sedikit kandungan akidah tersebut, dan peringkat yang terakhir adalah dengan menghalusi isi kandungan akidah tersebut hingga terbentuk akidah dalam diri kanak-kanak tersebut seperti berfikir tentang penciptaan alam semesta secara beransur-ansur sehingga keimanan

menjadi teguh berasaskan bukti kukuh. Akidah yang masuk ke dalam diri kanak-kanak berbentuk kepercayaan, pegangan dan keyakinan serta pengakuan atau penerimaan realiti dan kebenaran dalam akidah tersebut.

Terdapat lima pendekatan yang digunakan oleh beliau iaitu Ta'dib iaitu mendidik. Ia bermaksud mengeluarkan tenaga dalaman yang terpendam dan secara semulajadinya cenderung kepada hakikat kebenaran supaya dimanifestasikan dalam bentuk tindakan atau tingkah laku. Fitrah merujuk kepada naluri bagi mengenal, mentauhidkan Allah dan mencari hakikat kebenaran. Walaupun manusia pada hakikatnya baik, tetapi apabila berinteraksi dengan perkara-perkara yang bersifat kebendaan, ia mendorong berlakunya kejahatan. Al-Ghazali berpandangan, ibu bapa perlu menerapkan akhlak yang baik dalam diri anak melalui agen sosialisasi utama sama ada pendidikan, amalan kebiasaan dan pergaulan dengan orang-orang yang berbudi pekerti mulia. Pendidikan yang diberikan kepada kanak-kanak perlulah mengutamakan ketauhidan kepada Allah kerana ia dapat mengawal kanak-kanak untuk berakhlak mulia.

Pendekatan kedua ialah disiplin kendiri iaitu disiplin sebagai latihan kepada ruh, bermula dengan latihan yang mudah kepada yang lebih kompleks melalui usaha yang bersungguh-sungguh dan berkala, sehingga tahap yang sukar dapat dicapai dan diamalkan dengan mudah. Disiplin adalah salah satu cara bagi membentuk akhlak

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


yang baik selain daripada cara-cara lain seperti mujahadah. Contohnya, bagi menjadikan anak yang baik, ibu bapa perlu sentiasa mempamerkan tingkah laku baik sama ada dari segi perbuatan, percakapan, atau naluri dalaman.

Pendekatan seterusnya ialah *Ta'lim* iaitu menjadikan individu berilmu pengetahuan atau mengajar ilmu kepada individu supaya ilmu itu menjadi kekal dalam akalnya. Mengikut al-Ghazali, *ta'lim* adalah salah satu cara manusia mendapatkan ilmu yang menaikkan martabat manusia daripada tahap kehaiwanan kepada tahap kemanusiaan yang sempurna. Terdapat dua cara bagi mendapatkan ilmu, iaitu melalui proses pengajaran-pembelajaran dan ajaran terus daripada Allah. Proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan ilmu pengetahuan, pelajar dan guru adalah proses bagi mengeluarkan segala potensi yang sedia ada dalam diri kanak-kanak bagi direalisasikan supaya kanak-kanak dapat menunjukkan akhlak yang baik. Justeru itu, guru memainkan peranan penting di samping ibubapa bagi menyucikan jiwa kanak-kanak.

Pendekatan keempat ialah Tarbiah iaitu pengasuhan bermaksud memelihara, membela, menjadi besar, dan mengasuh walaupun tanpa ilmu pengetahuan. Proses tarbiyyah sentiasa memerlukan penyucian jiwa dan ilmu pengetahuan supaya dapat berkembang dengan sempurna. Ilmu yang utama dan pertama diajar kepada anak-anak adalah ilmu agama dan al-Qur'an.

Pendekatan terakhir ialah *Tahzib* bermaksud penyucian iaitu merujuk kepada penyucian akhlak melalui penilaian kendiri dalam usaha meningkatkan diri ke tahap yang lebih sempurna. Contohnya, tanda orang yang sabar adalah apabila perlakuan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

baik dapat dipamerkan secara semulajadi tanpa ada paksaan atau apabila orang yang mulia sentiasa menjadikan sedekah sebagai amalan biasa. Tujuan *tahzib* adalah menyucikan roh dan akhlak supaya individu dapat memahami ilmu ketuhanan dengan mudah. Al-Ghazali menekankan kelima-lima elemen ini dalam pendidikan awal kanak-kanak bagi membentuk akhlak yang terpuji supaya mereka mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat.

### 1.10.2 Teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Kolb

Teori ini dapat dijadikan asas teoritikal dalam kajian ini bagi memahami gaya kognitif dan gaya belajar kerana teori ini selaras dengan peringkat pertumbuhan dan perkembangan kognitif manusia. Teori ini menyatakan bahawa individu berkembang melalui kitaran pembelajaran yang bermula dari peringkat pengalaman konkrit kepada pemerhatian reflektif kepada berkonsepkan abstrak dan kepada percubaan aktif. Kempat-empat ini dilalui dalam proses pembelajaran. Walau bagaimanapun seseorang individu akan menunjukkan kecenderungan dalam sesuatu peringkat melebihi peringkat yang lain (Othman Lebar dan Nur Haziyanti, 2008). Penceritaan merupakan satu fenomena yang dapat diaplikasikan dalam menerapkan tingkah laku yang baik. Bercerita memuatkan keseluruhan gaya pembelajaran seperti pembahagian yang dibuat oleh Kolb (1984).

Teori Kolb amat sesuai dengan pemerolehan maklumat daripada cerita. Pengalaman Konkrit merupakan peringkat bermaksud kanak-kanak memperoleh maklumat dengan pengalaman langsung iaitu mereka mengetahui apa yang dilalui

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

oleh watak di dalam cerita. Pada peringkat ini, kanak-kanak dapat mengetahui gambaran secara langsung watak di dalam cerita. Peringkat kedua ialah pemerhatian reflektif yang memerlukan kanak-kanak menggunakan daya pemerhatian. Melalui pemerhatian Reflektif ini, kanak-kanak dapat memerhatikan kesan baik dan kesan buruk watak dalam penceritaan.

Pada peringkat 'Konseptualisasi Abstrak' pula memerlukan kemahiran berfikir kepada kanak-kanak. Kanak-kanak menggunakan daya pemikiran mereka melalui menggambarkan watak dan perwatakan yang terdapat di dalam cerita. Kanak-kanak menggunakan daya imaginasi untuk membuat gambaran cerita mereka sendiri. Peringkat terakhir iaitu 'Peringkat Percubaan Aktif' yang memerlukan kanak-kanak membuat keputusan. Pada peringkat ini kanak-kanak mengambil contoh teladan yang berlaku dalam watak penceritaan. Kanak-kanak tidak perlu mengalami sendiri seperti dalam penceritaan tetapi mereka akan mendapat pengajaran secara tidak langsung berdasarkan cerita. Penceritaan memberi ruang kepada kanak-kanak untuk merasa, melihat, berfikir dan melakukan.

## 1.11 Gabungan Teori Kajian

Teori Al-Ghazali dipilih kerana penekanan pendidikannya yang amat berkaitan dengan pendidikan akidah kepada manusia seawal umur kanak-kanak lagi. Pendidikan akidah kepada kanak-kanak boleh disampaikan melalui penceritaan. Daripada penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim yang dijalankan, bertujuan mendedahkan kepada kanak-kanak perlakuan nilai akidah yang perlu diamalkan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS



dalam kehidupan seharian dan ia disampaikan menggunakan metod yang sesuai dengan kanak-kanak namun masih mengambil lima pendekatan yang digariskan oleh Al-Ghazali. Pemilihan teori ini juga selaras dengan penceritaan yang akan dijalankan memenuhi unsur kerohanian dalam mendidik tingkah laku kanak-kanak dengan cara mendidik, mendisiplin, menyampaikan ilmu, mentarbiah dan penyucian akhlak melalui penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim tersebut.

Teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Kolb digabungkan kerana konsep pembelajarannya melalui empat kitaran pengalaman pembelajaran iaitu Pengalaman Konkrit, Pemerhatian Reflektif, Konseptual Abstrak dan Percubaan Aktif. Hasil daripada penyampaian penceritaan yang disampaikan melalui lima pendekatan Al-Ghazali akan membolehkan kanak-kanak mendapat pengetahuan daripada penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim melalui pengalaman langsung watak dalam penceritaan. Seterusnya, Kanak-kanak akan membuat pemerhatian kesan baik dan kesan buruk watak daripada penceritaan yang telah dijalankan. Pada peringkat seterusnya kanak-kanak menggunakan kemahiran berfikir bagi menggambarkan watak dalam penceritaan. Apabila ini berlaku mereka akan membuat keputusan untuk mengambil contoh teladan daripada watak yang terdapat dalam penceritaan tersebut bagi proses menerapkan perlakuan nilai akidah terhadap kanak-kanak tersebut.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS


Rajah 1.1 : Gabungan Teori Kajian




## 1.12 Batasan Kajian

Teknik penceritaan kepada kanak-kanak prasekolah mempunyai ruang lingkup yang luas. Namun dalam kajian ini pengkaji hanya hanya membataskan kepada penceritaan secara bacaan kuat berfokuskan kepada dimensi akidah yang terdiri daripada nilai beriman, bersyukur dan pembalasan sahaja. Ia juga hanya menggunakan tiga buah buku bersiri Luqman Al-Hakim bagi menghayati tiga perlakuan nilai akidah yang ingin dikaji. Dapatan kajian yang diperolehi nanti akan terikat dengan penceritaan daripada tiga buah buku bersiri tersebut dan aktiviti yang dirancang selepas penceritaan ini. Dapatan dan perbincangan dalam kajian ini mungkin betul berdasarkan Pendidikan Luqman Al-Hakim tetapi mungkin berlaku kesilapan jika dinilai dari sudut teori yang lain.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


Kanak-kanak yang terlibat dalam kajian ini juga adalah kanak-kanak yang dipilih daripada sebuah tadika sahaja iaitu sebuah prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia di Daerah Kinta, Perak. Subjek yang dipilih ini adalah terhad kepada kanak-kanak yang berumur enam tahun di prasekolah berkenaan. Kanak-kanak berumur enam tahun dipilih berdasarkan kepada kesesuaian buku bersiri yang digunapakai untuk kanak-kanak berumur enam hingga sepuluh tahun. Oleh itu, kesahan dan kebolehpercayaan buku bersiri ini mungkin bersesuaian mengikut kanak-kanak yang berumur enam tahun di peringkat prasekolah dan mungkin tidak sesuai untuk kanak-kanak yang berlainan umur.

## 1.13 Rumusan

Kajian mengenai penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim telah dikemukakan dan dijelaskan secara terperinci tujuan tajuk ini dipilih. Ia merujuk kepada permasalahan kanak-kanak yang perlu diterapkan nilai akidah sejak daripada kecil bagi me nangani permasalah sosial remaja yang semakin berleluasa masa kini. Dengan itu, diharapkan kajian ini mencapai objektif bagi melihat kesan daripada buku bersiri ini agar ia dapat dimanfaatkan kepada kanak-kanak. Oleh itu perbincangan dan penjelasan telah dihuraikan berkaitan dengan pengenalan, penyataan masalah, batasan kajian, tujuan kajian, objektif kajian, definisi istilah dan definisi konsep, persoalan kajian, model konseptual dan batasan kajian.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

# BAB DUA

# TINJAUAN KAJIAN LEPAS

## 2.0 Pengenalan

Bab ini akan menghuraikan mengenai kajian-kajian lepas yang akan difokuskan kepada kesan-kesan penceritaan terhadap perlakuan nilai kanak-kanak prasekolah yang telah dijalankan di dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Untuk menyokong kajian ini, sorotan kajian ini akan melihat bagaimana penceritaan boleh digunakan dalam teknik pengajaran dan pembelajaran guru untuk menerapkan nilai yang baik kepada kanak-kanak. Selain itu kajian ini juga akan melihat sorotan lalu bagaimana penekanan nilai Akidah menjadi suatu yang penting untuk diterapkan semenjak kanak-kanak lagi. Kajian-kajian lepas mengenai Pendidikan Islam yang dikaitkan dengan pendekatan melalui Pendidikan Luqman Al-Hakim juga akan dinyatakan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P



## 2.1 Kesan Penceritaan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Bagi Abdul Ghani dan Abd. Rahman (2009), menegaskan bahawa pada asasnya semua manusia suka kepada cerita. Cerita yang bermula dengan kegembiraan akhirnya membawa kebijaksanaan. Kerap kali cerita ini memberi banyak pengajaran, kesedaran, keinsafan dan maklumat-maklumat baru. Berdasarkan hakikat ini, aktiviti bercerita mampu menjadi wahana dalam mendidik dan membentuk sahsiah, tingkah laku dan cekapan sosioemosi manusia secara lembut, menggembirakan bahan kaya dari aspek kemanusiaan. Menurut mereka lagi, terdapat banyak fungsi dan faedah bercerita iaitu di antaranya membentuk sahsiah dan tingkah laku. Ini dapat dicapai melalui cerita yang sesuai dan menarik mengikut peringkat umur pelajar dengan cara guru dapat menanam moral, pengajaran dan memberi contoh-contoh sesuai yang dapat pelajar tiru dan amalkan dalam kehidupan mereka. Di dalam penulisan mereka juga ada menegaskan mengenai idea berasas Patricia Cianclolo (Walter Sawyer dan Diana E. Comer, 1997) yang berpendapat buku cerita dapat membantu secara positif perkembangan diri pelajar. Menurut beliau, buku cerita dapat membantu pelajar mencari maklumat tentang tingah laku manusia selain dapat membantu pelajar sampai ke pemahaman pada frasa ‘sembuhkan dirimu’.

Oleh itu, bercerita adalah langkah yang sewajarnya dilakukan oleh semua guru bertindak dengan berfikiran positif dan mengambil langkah yang sewajarnya dalam menangani masalah salah laku dari perspektif yang lebih lembut dan berkesan. Bercerita dapat menanam nilai-nilai moral kanak-kanak. Ini telah dibuktikan daripada kajian Martha Christianti (2011) bertujuan agar kanak-kanak akan mempraktikkan secara langsung nilai-nilai tersebut dan terbiasa untuk melakukan hal-hal yang baik

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

dengan harapan nilai tersebut dapat dilakukan dalam kehidupan kanak-kanak. Diantara nilai yang cuba diterap dalam kajian ini ialah kecintaan kepada tuhan, kejujuran, disiplin, toleransi dan tolong-menolong. Kajian ini juga menunjukkan kanak-kanak sangat menyukai kegiatan bercerita.

Bercerita menggunakan alat bantu mengajar dapat memberi kesan kepada kanak-kanak prasekolah. Ini bertepatan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Fhayrus (2012) mengenai bercerita menggunakan boneka bagi meningkatkan komunikasi kanak-kanak. Objektif kajian ini untuk meningkatkan keupayaan kemahiran berkomunikasi kanak-kanak dan meningkatkan bilangan perbendaharaan kata kanak-kanak. Soal selidik, temu bual dan pemerhatian digunakan sebagai instrumen kajian. Responden kajian terdiri daripada enam orang kanak-kanak prasekolah. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dengan metode kanak-kanak dan guru menjalankan aktiviti bercerita dengan menggunakan boneka. Kanak-kanak juga menggunakan boneka untuk menjawab soalan yang di kemukakan kepadanya. Selain itu, kanak-kanak juga berpeluang untuk bermain boneka bersama-sama rakan. Implikasinya, kanak-kanak dapat bercerita kepada rakan-rakan dan guru dengan yakin dan berani. Bilangan perkataan yang digunakan oleh kanak-kanak juga bertambah berbanding sebelum menggunakan boneka.

Selain itu, kaedah bercerita menggunakan perkembangan teknologi terkini telah memberi kesan yang baik terhadap pencapaian bacaan kanak-kanak. Kajian ini telah membuktikan bahawa penggunaan bahan teknologi dapat meningkatkan nilai kefahaman pelajar. Ini jelas dibuktikan melalui kajian oleh Yahya dan Dayang Raini (2011), mengenai menilai pencapaian murid dalam bacaan dan kefahaman

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS


menggunakan kaedah tradisional dan aplikasi cerita secara interaktif. Selain itu kajian ini juga menilai kesan penggunaan bahan teknolgi cerita interaktif dalam pengajaran bacaan dan kefahaman yang meliputi aspek kefahaman, morfologi dan sintaksis dalam kalangan murid pencapaian sederhana. Reka bentuk kajian yang menggunakan Kaedah Kuasi Eksperimental melibatkan 52 orang murid pencapaian sederhana sekolah rendah di daerah Brunei Muara. Hasil kajian yang dianalisis menggunakan ujian-t mendapati terdapat perbezaan yang signifikan bagi min prestasi pemahaman bacaan antara murid-murid pencapaian sederhana yang mengikuti pengajaran pemahaman bacaan menggunakan perisian cerita secara interaktif dalam pengajaran bacaan dan pemahaman berbanding menggunakan pengajaran secara tradisional, bahkan dapat meningkatkan aspek bahasa berkaitan morfologi dan sintaksis.

Selain daripada meningkatkan kefahaman kanak-kanak dalam bacaan, bercerita juga dapat meningkatkan konsep kendiri kanak-kanak. Robin Mello (2001) dalam Jurnal Antarabangsa Pendidikan dan Kesenian, telah memaparkan kajiannya daripada projek seni berasaskan penyelidikan bagi kanak-kanak dalam tempoh satu tahun. Beliau telah mengkaji kesan bercerita terhadap konsep kendiri kanak-kanak. Di samping itu ia membincangkan bagaimana bercerita membantu kanak-kanak dalam proses pengalaman bersosialisasi di sekolah. Hasil daripada kajian beliau mendapati bercerita telah mempunyai kesan ke atas hubungan interpersonal, empati dan minat pelajar. Bercerita telah merangsang tindak balas bersimpati yang menyebabkan pelajar berfikir dengan lebih mendalam tentang dunia sosial mereka. Kajian ini jelas menunjukkan bahawa pembentukan personaliti diri kanak-kanak boleh dibentuk daripada perantaraan bahan bantu menggunakan teknik yang sesuai.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


Penggunaan buku cerita sebagai bahan bantu mengajar telah digunakan semenjak dahulu lagi kerana ia telah mampu memberi impak positif terhadap diri kanak-kanak. Dalam kajian yang dijalankan oleh Nor Azrin (2001) menghasilkan bahan penceritaan Kanak-kanak Tupi dan Tiki bertujuan untuk menyediakan satu alternatif kepada ‘buku besar’ yang selalu digunakan oleh guru dalam aktiviti bercerita di prasekolah. Bahan multimedia penceritaan kanak-kanak diadaptasi daripada sebuah buku cerita yang bertajuk Tupi dan Tiki terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Ia menyediakan dua pilihan iaitu versi penceritaan penuh dan versi penceritaan separa. Daripada hasil kajian, beliau menyatakan bahawa bahan multimedia yang menggunakan perisian *Macromedia Flash Propesional* 8 telah dapat menggalakkan kanak-kanak untuk berkomunikasi dengan lebih berkesan daripada segi sebutan, nada, intonasi dan ekspresi atau mimik muka. Justeru dengan adanya bahan multimedia penceritaan ini dapat membantu guru dan juga kanak-kanak ketika proses bercerita secara optimum yang secara tidak langsung membangunkan ciri-ciri positif pada kanak-kanak.

Seterusnya, Hafiza dan Halimah (2010) dalam kajian mereka membantu pelajar pemulihan membaca Bahasa Melayu berpendapat penceritaan digital boleh diimplementasikan dan diadaptasikan dalam Kurikulum bahasa Melayu. Hasil kajian menunjukkan penceritaan digital boleh digabungkan untuk menghasilkan pengalaman belajar yang lebih bermakna kepada pelajar pemulihan. Tsou et al. (2006) dalam penyelidikannya menyatakan penggabungan antara penceritaan digital dan kurikulum merupakan satu teknik belajar yang kreatif dan dapat meningkatkan aras membaca, menulis, bertutur dan mendengar pelajar.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS



Bagi Norizan, (2003) penghasilan perisian kursus yang dinamakan sebagai ‘Sehari Bersama Luqman (SBL)’ menggunakan pendekatan bercerita dan bermain bagi menyampaikan pelajaran akhlak harian dan nilai murni di rumah. Penceritaan dan bermain ini memberi pendedahan mengenai adat, tatatertib, budaya dan cara hidup masyarakat Islam. Kajian ini menggunakan model reka bentuk sistem berarahan mengikut Model Alessi dan Trolip (1991). Model ini diubahsuaikan menggunakan dua pendekatan iaitu bercerita dan bermain. Hasil kajian mendapati telah dapat menarik perhatian pelajar dan memberi kesan positif kepada pelajar yang disasarkan. Penggunaan perisian kursus telah menarik perhatian pelajar dengan pendedahan dari segi adab dan akhlak yang baik. Ia membuktikan bahawa penerapan nilai murni boleh dilakukan dengan pelbagai cara termasuklah menggunakan teknik bercerita.

Penceritaan juga menerapkan dan meningkatkan nilai yang baik dalam diri kanak-kanak. Fatin Adila (2011) dalam kajian tindakan untuk membantu menerapkan tingkah laku positif dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Objektif khusus kajian tindakan ini ialah mengenal pasti tingkah laku positif yang kurang diamalkan oleh kanak-kanak prasekolah dan meningkatkan tingkah laku positif terhadap kanak-kanak prasekolah melalui teknik bercerita. Tingkah laku positif yang ingin diterapkan dalam diri kanak-kanak prasekolah ialah meminta kebenaran untuk meminjam barang dari rakan dan menunjukkan amalan berterima kasih. Subjek kajian terdiri daripada empat orang kanak-kanak prasekolah. Pengumpulan data dilakukan melalui kaedah temu bual, pemerhatian serta ujian awal dan ujian akhir. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif (petikan perbualan dan peratusan). Hasil analisis beliau mendapati keempat-empat subjek menunjukkan peningkatan pada amalan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

tingkah laku positif selepas intervensi berbanding sebelum intervensi dijalankan. Keputusan kajian menunjukkan bahawa teknik bercerita berkesan dalam membantu menerapkan tingkah laku positif dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Beliau telah mencadangkan agar kajian seterusnya dijalankan dengan menggunakan lebih banyak bilangan buku cerita berkaitan dengan pelbagai tingkah laku positif kanak-kanak dan dilaksanakan pada waktu lain seperti pada waktu aktiviti permainan luar dan waktu rehat.

Pembentangan kertas kerja oleh Norasiah (2011) adalah untuk mengenal pasti pembangunan insan dalam penceritaan kanak-kanak Islamik yang berunsurkan fauna. Ianya mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu dengan membincangkan pembangunan insan secara terperinci untuk melihat perkaitannya dengan Prinsip Pengkaedahan Keagamaan berdasarkan penceritaan yang dipilih. Sehubungan itu, kertas kerja penceritaan tersebut adalah untuk mengenal pasti pembangunan insan yang terdapat di dalamnya sebagai asas untuk membentuk insan pembaca kanak-kanak sebagai satu saluran mentarbiahkan diri melalui penceritaan. Pembentang kertas kerja ini telah menampilkan contoh-contoh cerita daripada Al-Quran yang dapat meningkat pembangunan diri kanak-kanak seperti kisah Nabi Yunus dengan ikan Nun, Nabi Sulaiman dengan burung Hud-hud dan kisah kejadian unta yang diminta oleh Kaum Tsamud kepada Nabi Salleh. Kesimpulan daripada pembentangan kertas kerja beliau mendapati penceritaan fauna mampu menyingkap keistimewaan dalam perjuangan menegak agama Allah serta teladan yang boleh dicontohi anak-anak. Ia juga menjurus kepada cerita berbentuk motivasi kerana melalui penceritaan fauna, akal dan fikiran tidak terjadi dalam kekosongan. Kisah fauna mengajarkan hubungan insan dan interaksi yang seharusnya antara makhluk Allah SWT.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS


Tujuan bercerita adalah agar kanak-kanak dapat membezakan perbuatan yang baik dan buruk sehingga dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Dengan menggunakan teknik bercerita, guru dapat menanamkan nilai-nilai keislaman kepada diri kanak-kanak. Novi Romawati (2007) dalam kajian tujuan teknik bercerita dalam pendidikan kanak-kanak adalah untuk menanamkan akhlak Islamiah dan perasaan ketuhanan kepada kanak-kanak dengan harapan melalui pendidikan dapat merangsang kanak-kanak untuk sentiasa merenung dan berfikir sehingga wujudnya perasaan tersebut di dalam kehidupan sehariannya.

Teknik bercerita diharapkan mampu menyentuh jiwa sekiranya didasari dengan ketulusan hati yang mendalam. Teknik bercerita telah disebut di dalam Al-Quran yang bermaksud,

> ‘*Kami menceritakan kepadamu yang paling baik dengan mewahyukan Al-Quran ini kepadamu. Dan sesungguhnya kamu sebelum (Aku mewahyukan) adalah termasuk orang-orang yang lalai*’.(Yusuf 12;3)

Kandungan ayat ini menggambarkan bahawa cerita yang ada dalam Al-Quran merupakan cerita-cerita yang mengandungi nilainya.

Penceritaan dalam kajian ini dikaitkan dengan bacaan kuat. Aminuddin (2000) menyatakan penceritaan kuat bermaksud membaca yang dilaksanakan secara bersuara sesuai dengan aksentuasi, intonasi, dan irama yang benar selaras dengan gagasan serta suasana penuturan dalam teks yang dibaca. Membaca kuat bersifat redeskriptif iaitu bacaan yang bunyi-bunyian muncul bukan secara sewenang-wenang, tetapi harus mampu menggambarkan isi cerita serta suasana awal yang dipaparkan dalam teks tertulis.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS


Pembacaan kuat merupakan satu kaedah guru bercerita kepada kanak-kanak. Ini membawa maksud guru mengekalkan kawalan nada suara, penggunaan alatan yang berkenaan, kemahiran mengekalkan minat murid, gerakan tangan "*facial expression*", serta kedudukan murid-murid semasa aktiviti bercerita itu berlangsung. Musfiroh (2005) melalui kajian Susilowati (2010) menyatakan teknik-teknik membacakan cerita dengan alat peraga buku cerita bergambar. Ini juga menyamai sebuah artikel memaparkan panduan membaca kuat oleh Wayne Stocks (2011) yang bertajuk '*Teacher Tips-Reading Aloud*' telah memberikan panduan membaca kuat kepada kanak-kanak iaitu;

1. Guru sebaiknya membaca terlebih dahulu buku yang hendak dibacakan di depan kanak-kanak. Guru memiliki keyakinan memahami cerita, menghayati unsur drama dan melafazkan setiap kata dalam buku dengan tepat serta tahu makna tiap-tiap kata tersebut. Dengan demikian konsentrasi anak terhadap cerita menjadi tidak terganggu.
2. Guru tidak terpaku pada buku, sebaiknya guru memperhatikan reaksi kanak-kanak ketika membaca buku tersebut, kerana dengan melihat reaksi kanak-kanak, guru dapat memerhati kanak-kanak yang memahami nilai seperti mengajukan pertanyaan.
3. Guru membacakan cerita dengan lambat dengan sebutan kalimah yang lebih dramatik daripada urutan biasa. Hal ini bertujuan agar kanak-kanak dapat meresapi isi cerita yang disampaikan oleh guru sehingga kanak-kanak dapat membangun imaginasinya daripada cerita yang didengar.
4. Pada bahagian-bahagian tertentu, guru berhenti sejenak utuk memberikan komentar atau meminta kanak-kanak memberikan komentar mereka.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


5. Guru memperlihatkan semua kanak-kanak dan berusaha untuk menjalin kontak mata.
6. Guru sebaiknya berhenti untuk menunjukkan gambar-gambar dalam buku dan memastikan kanak-kanak dapat melihat gambar tersebut.
7. Guru sebaiknya melakukan pembacaan sesuai dengan tahap konsentrasi kanak-kanak dan tidak bercerita lebih daripada 15 minit. Hal ini bertujuan agar anak tidak bosan terhadap cerita yang disampaikan.
8. Guru sebaikya memegang buku di samping kiri bahu bersikap tegak lurus ke hadapan.
9. Guru memposisikan tempat duduk di tengah agar kanak-kanak boleh melihat dari pelbagai arah dan melihat gambar secara keseluruhan.
10. Guru melibatkan kanak-kanak dalam penceritaan supaya berlaku komunikasi dua hala. Komuikasi dua hala akan meransang kanak-kanak untuk terlibat dengan kegiatan bercerita tersebut.

## 2.2 Pendidikan Keibubapaan Luqman Al-Hakim

Pembentangan kertas kerja pembinaan empat dimensi dalam ‘Modul Keibubapaan Berkonsepkan Pendidikan Luqman Al-Hakim’ oleh Fauziah Hanim, Nazariah dan Ibrahim (2010) bertujuan menghasilkan 13 buah cerita daripada empat tema modul hasil daripada kupasan tafsiran surah Luqman ayat 12 hingga 19 iaitu Aqidah, Ibadah, Akhlak dan Dakwah. Modul ini juga memperkenalkan 13 nilai terpuji daripada cerita tersebut. Modul cerita ini akan memberi panduan pendidikan kepada ibu bapa. Muhammad Khair Ramadhan Yusuf (2008) dalam bukunya ‘Kisah Luqman

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


Al-Hakim dan Kebijaksanaannya' telah memaparkan panduan dalam pendidikan kanak-kanak. Syarifah Hade Masyah (2007) telah memaparkan nasihat dan panduan untuk menjadi ibu bapa genius berdasarkan Luqman Al-Hakim.

Seminar Keibubapaan di SMK Agama Miri pada Jun 2011 bertajuk 'Menyelami Ibrah Luqman Alhakim Dalam Proses Pendidikan Anak-anak' mendapati masalah dalam pendidikan anak-anak adalah berpunca daripada masalah yang kelihatan dan masalah sebenar. Kehidupan anak-anak bermula dengan tidak tahu seperti dalam firman Allah yang bermaksud,

> '*Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan tidak mengetahui sesuatu pun. Dan Dia mengurniakan kepada kamu dengan pendengaran dan penglihatan serta hati akal fikiran, supaya kamu bersyukur'*. (An-Nahl 16;18)

Kajian oleh Rosnaaini Hamid (2004) mendapati bentuk pendidikan surah Luqman terdiri daripada strategi pendidikanLuqman Al-Hakim, pendidikan anak-anak berkaitan hubungan dengan Allah S.W.T. dan hubungan sesama manusia. Model keibubapaan yang diperkenalkan oleh Luqman Al-Hakim bersesuaian sepanjang zaman. Modul keibubapaan beliau juga mencakupi setiap aspek keperluan anak-anak untuk berhadapan dengan tanggungjawab sebagai seorang muslim dan cabaran semasa.

## 2.3 Perlakuan Nilai

Nilai merupakan keutamaan peribadi berkaitan piawai individu mempertimbangkan kepentingan atau faedah sesuatu perkara bagi mereka sendiri bertindak dan berfikir

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS


(Chin & Lin, 2001). Kajian pengamalan nilai murni di kalangan pelajar oleh Mohd Faizal (2006) adalah untuk mengetahui pengamalan nilai-nilai murni di kalangan pelajar yang diamalkan di dalam kehidupan seharian serta nilai murni yang paling dominan diamalkan. Kajian yang dilakukan terhadap 120 responden yang terdiri daripada pelajar tingkatan empat ini memilih sampel kajian secara rawak. Daripada soal selidik sebagai instrumen kajian yang dianalisis secara deskriptif menunjukkan 16 aspek nilai murni yang dicadangkan penerapannya oleh Falsafah Pendidikan Negara dalam kurikulum diterap oleh pelajar untuk diamalkan dalam kehidupan seharian serta didapati nilai murni 'kesyukuran' adalah nilai murni paling dominan dihayati di kalangan pelajar. Implikasi kepada kajian ini akan dapat melahirkan pelajar-pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Menurut M. Swamenathan (2006) terdapat beberapa cara untuk memupuk nilai positif di kalangan kanak-kanak iaitu berbincang dengan anak agar mereka faham, ibu bapa menjadi teladan yang baik, beri galakan positif kepada kanak-kanak untuk berkelakuan baik dan wujudkan suasana persekitaran yang sempurna dengan nilai yang ingin disemai. Berdasarkan Teori Perkembangan Moral Kohlberg (1988) menyatakan bahawa pengajaran nilai merupakan tanggungjawab bagi membantu pelajar melalui peringkat perkembangan pemikiran moral. Ini bermakna pengajaran nilai di sekolah bertujuan untuk membimbing pelajar mencapai satu peringkat pemikiran dan kesedaran yang tinggi. Kohlberg juga menekankan pendidikan nilai berkait rapat dengan perkembangan personaliti pelajar. Pengamalan nilai murni adalah penting atas setiap individu pelajar agar mereka dapat menghubungkan ilmu pengetahuan yang dipelajari dengan kesedaran bahawa sumber ilmu itu secara mutlak adalah hak tuhan semata-mata.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

## 2.4 Rumusan

Daripada kajian literatur yang telah dijalankan maka bercerita didapati boleh merangsang tingkah laku yang baik kepada kanak-kanak. Dengan pemilihan cerita yang baik menepati nilai-nilai positif, maka siri bercerita Luqman Al-Hakim yang menekankan empat dimensi dan 13 nilai boleh menerapkan nilai yang baik kepada kanak-kanak seterusnya membentuk tingkah laku yang baik kepada mereka.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

# BAB TIGA

# METODOLOGI KAJIAN

## 3.0 Pengenalan

Menurut Majid Konting (2004), metodologi kajian ialah bagaimana kita mendapatkan maklumat bagi mencapai sesuatu matlamat penyelidikan. Kaedah atau metod kajian perlu untuk menyelesaikan sesuatu masalah atau persoalan dalam konteks penyelidikan. Bab ini akan menghuraikan reka bentuk kajian, populasi dan persampelan, alat kajian, kajian rintis, pengumpulan data dan penganalisisan data. Kajian lepas telah menunjukkan banyak terdapat kesan positif daripada penceritaan yang dilakukan menggunakan bahan tradisional dan teknologi masa kini. Dalam kajian ini adalah untuk melihat sejauh manakah keberkesanan penceritaan buku

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS


bersiri Luqman Al-Hakim dapat memberi kesan terhadap perlakuan nilai Akidah kepada kanak-kanak prasekolah.

## 3.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah satu model contoh yang membolehkan penyelidik membuat inferens berkenaan perkaitan antara pemboleh ubah yang dikaji. Reka bentuk kajian ini ialah gabungan di antara kajian kuantitatif berbentuk Kuasi Eksperimental dan kajian kualitatif. Kajian kuantitatif merujuk kepada bilangan yang diskrit, yang dinyatakan dengan tepat dikaitkan dengan data numerika dan ketepatan (Chua, 2011). Manakala kajian kualitatif digunakan kerana terdapat unsur-unsur yang tidak dapat dihuraikan berdasarkan angka-angka dalam data kuantitatif sahaja (Chua, 2011).

### 3.1.1 Kajian Kuantitatif

Pendekatan kualitatif ialah prosedur penyelidikan yang menghasilkan data gambaran yang boleh diamati (Lexy, 2007). Kajian kuantitatif merupakan satu pertanyaan terhadap masalah yang telah dikenal pasti yang mana berdasarkan kepada pengujian suatu teori yang digubah oleh pemboleh ubah, diukur melalui perwakilan nombor dan dianalisa menggunakan teknik statistikal (Neuman, 2000). Kajian kuantitatif dalam kajian ini merupakan kajian kuasi eksperimental dijalankan bagi menentukan kesan penceritaan kanak-kanak menggunakan buku bersiri Luqman Al-Hakim terhadap

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


perlakuan nilai akidah kanak-kanak prasekolah. Kajian eksperimental digunakan bagi menyiasat hubungan antara sebab dan kesan dengan mendedahkan satu atau lebih kumpulan kawalan kepada satu atau lebih kumpulan rawatan (Sidek, 2002). Menurut Chua (2011) reka bentuk kuasi eksperimental digunakan untuk menilai keberkesanan suatu program apabila responden kajian tidak dapat diagihkan secara rawak. Dalam kajian ini, menggunakan reka bentuk ujian pra dan ujian pos ke atas kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Seramai 20 orang kanak-kanak terlibat sebagai kumpulan kawalan dan 20 orang kanak-kanak lagi sebagai kumpulan rawatan yang terlibat dalam penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim.

Kajian secara kuasi eksperimental yang melibatkan dua kumpulan responden ini iaitu kedua-dua kumpulan ini diberi ujian pra dan ujian pos masing-masing sebelum dan selepas kajian dijalankan. Kumpulan rawatan menerima proses penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim. Pendekatan secara kuantitatif digunakan memandangkan ia mudah ditadbir. Pendekatan ini juga akan menghasilkan dapatan kajian yang lebih objektif dan tepat terhadap populasi kajian. Ujian dari lembaran kerja digunakan bagi menentukan keberkesanan penceritaan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Rajah 3.1

Reka Bentuk Kuasi Eksperimental




Kajian ini dijalankan selama enam minggu. Ujian pra diberikan kepada kedua-dua kumpulan sebelum penceritaan dilakukan. Kanak-kanak dikehendaki menjawab ujian daripada lembaran kerja yang diberi. Hasil daripada penganalisisan statistik ke atas data akan menentukan sama ada penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim dapat memberi kesan ke atas perlakuan nilai Akidah dalam kalangan kanak-kanak yang terlibat.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

### 3.1.2 Kajian Kualitatif

Pendekatan kuantitatif ialah penyelidikan yang menekankan kepada fenomena-fenomena objektif dan dikawal melalui pengumpulan dan analisis data (Nana, 2005). Kajian Kualitatif bertujuan mengetahui secara mendalam tentang satu situasi serta memperkayakan pengetahuan mengenai bagaimana dan mengapa sesuatu itu terjadi (Gay & Airasian, 2003). Menurut Chua (2011), penyelidikan secara kualitatif dilakukan apabila terdapat kes-kes yang memerlukan pemerhatian yang teliti seperti unsur emosi, motivasi dan empati yang berkaitan dengan keadaan semula jadi individu atau kumpulan yang lebih sesuai dikaji melalui kajian kualitatif kerana unsur ini tidak dapat dihurai berdasarkan angka-angka dalam data kuantitif. Menurut Denzin dan Lincoln (2000), kajian kualitatif dapat memberi maklumat yang boleh digunakan untuk penambahbaikan inovasi dalam pendidikan yang sedang dilaksanakan. Marohaini (2001) menyatakan kajian kualitatif adalah untuk mendapatkan kefahaman yang mendalam terhadap sesuatu perkara yang ingin dikaji. Kajian kualitatif juga dapat menerangkan peristiwa secara holistik dalam keadaan sebenar peristiwa berlaku tanpa sebarang manipulasi daripada penyelidik.

Dalam kajian kualitatif ini pemerhatian telah dijalankan bagi mengukuhkan dapatan kajian. Menurut Surayah dan Haslin (2009), pemerhatian terhadap kanak-kanak dilakukan bagi mendapat informasi, bukan hanya melihat dengan pandangan kosong. Setiap pemerhatian memerlukan interpretasi tersendiri pada maksud perlakuan kanak-kanak. Pemerhatian mungkin ada kalanya tidak signifikan walaupun ia dikesan, namun, tidak mustahil akhirnya ia berguna bagi menginterpretasikan sesuatu maksud apabila berlaku insiden yang tidak dijangka. Melalui pemerhatian

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

pengkaji dapat memahami perlakuan kanak-kanak serta menilai perkembangan mereka.

Temu bual merupakan salah satu daripada metod di dalam kajian kualitatif. Temu bual juga telah digunakan dalam pengutipan data dalam penyelidikan kualitatif bagi mendapatkan kesan penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim. Temu bual juga Ia telah dijalankan kepada lima orang daripada ibu dan bapa kanak-kanak yang terlibat dalam kajian. Ia telah dijalankan adalah berdasarkan kepada senarai semak yang telah disediakan. Menurut Patton (1980), temu bual ialah salah satu cara anda dapat mendekati dunia murid dan memahami apa yang sebenarnya dialami dan difikirkan oleh mereka

**3.2 Populasi dan Persampelan**

Gay, Mills dan Airsian (2008) mendefinisikan populasi sebagai *" kumpulan sasaran pengkaji iaitu kumpulan kepada siapa hasil kajian akan digeneralisasikan*". Menurut Azizi (2007) populasi merupakan satu set lengkap semua kumpulan seperti manusia, nombor, komuniti, bakteria dan sebagainya yang memenuhi spesifikasi. Populasi mempunyai sedikit persamaan secara umumnya dan didefinisikan secara spesifikasi.

Populasi bagi kajian ini adalah terdiri daripada kanak-kanak berumur enam tahun dari sebuah prasekolah di daerah Kinta, Perak. Seramai 40 orang kanak-kanak yang terdiri daripada dua buah kelas prasekolah dipilih sebagai sampel kajian.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS


Prasekolah yang dipilih merupakan prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia bagi kategori luar bandar. Menurut Chua Yan Piaw ( 2011), persampelan merupakan aspek penting dalam penyelidikan kerana penggunaan sampel yang tidak sesuai akan mengurangkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian.

Menurut Othman (1999), keperluan bagi mendapatkan saiz sampel yang munasabah bagi tujuan kajian adalah berkaitan dengan reka bentuk kajian yang digubal oleh pengkaji. Saiz sampel yang baik akan memberi sumbangan penting apabila pengkaji membuat pentakrifan bagi keseluruhan kajian yang dijalankan. Saiz sampel yang munasabah memberi kuasa statistik kepada pengkaji bagi melihat sejauh mana kajian boleh diteruskan dengan memperoleh dapatan yang serupa sekiranya kajian dijalankan seterusnya oleh pengkaji lain.

Sampel kajian kualitatif dipilih secara bertujuan (Gay & Airsian, 2000). Lima orang kanak-kanak daripada populasi kajian telah dipilih sebagai subjek kajian. Lima orang kanak-kanak ini dipilih berdasarkan sampel yang dirujuk oleh guru, telah diperhatikan dan tidak sepenuhnya mendedahkan nilai- nilai kajian yang telah ditetapkan. Soal selidik pemerhatian dijalankan kepada 5 orang kanak-kanak prasekolah telah disediakan. Selain itu ibu bapa dan guru kanak-kanak terlibat juga akan bertindak sebagai responden untuk tujuan temu bual bersama guru dan ibu bapa terlibat. Pemilihan responden kajian ini akan menimbulkan ralat yang tidak boleh dijangka kerana prosedur persampelan secara kebetulan bukan melalui persampelan rawak (Chua, 2006).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P



### 3.3 Instrumen dan Pengukuran

Dalam kajian ini, teknik atau kaedah yang digunakan untuk pengumpulan data ialah melalui kertas ujian, pemerhatian berdasarkan senarai semak dan temu bual.

#### 3.3.1 Kertas Ujian

Kertas ujian yang digunakan adalah bagi menguji perlakuan nilai akidah dalam aspek beriman, bersyukur dan pembalasan. Kertas ujian ini digunakan dalam ujian pra dan pos. Penyelidik membina sendiri soalan ujian setelah diubahsuai daripada Kanak-kanak yang terlibat sebagai sampel kajian yang akan menjawab soalan melalui ujian tersebut. Soalan yang diubahsuai adalah daripada Kurikulum Prasekolah(KPM,2001) Penilaian Dalam Pendidikan Prasekolah( Surayah & Haslinda, 2009), Penilaian Kerohanian dan Moral Prasekolah(Nik Rosila, 2010) serta Penilaian dan Kemajuan Kanak-kanak (OUM, 2007). Bentuk ujian yang disediakan terbahagi kepada 3 bahagian iaitu:

1. Bahagian A: Perlakuan Nilai Beriman
2. Bahagian B: Perlakuan Nilai Bersyukur
3. Bahagian C: Perlakuan Nilai Pembalasan

Bahagian A dalam soalan ujian ini adalah berkaitan dengan perlakuan nilai beriman. Ia mengandungi dua jenis bentuk soalan iaitu A(1) adalah mengenai menandakan 10 gambar yang betul bagi sifat-sifat orang yang beriman. Bagi A(2)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS



pula adalah kanak-kanak dikehendaki menampal 10 keping gambar pada ruangan yang betul mengenai dengan gambar-gambar ciptaan Allah dan rekaan manusia.

Bahagian B juga mengandungi dua jenis bentuk soalan yang berkaitan dengan perlakuan nilai bersyukur. Bahagian B(1) memerlukan kanak-kanak mewarnakan gambar perlakuan orang yang bersyukur kepada Allah. Ia mengandungi 10 jenis gambar yang perlu difikirkan oleh kanak-kanak bagi mengenal pasti kategori perlakuan bersyukur. Soalan pada bahagian B(2) menghendaki kanak-kanak memadankan ucapan 'Alhamdulillah' dan 'terima kasih' dengan betul. Kanak-kanak perlu memadankan 10 gambar yang berkaitan mengucap lafaz 'Alhamdulillah' kepada Allah dan ucapan 'terima kasih' kepada manusia jika menerima sesuatu.

Bahagian C pula adalah berkaitan dengan tema perlakuan nilai pembalasan. Bahagian C(1) memerlukan kanak-kanak mewarnakan 10 keping gambar iaitu warna hijau bagi perbuatan yang baik dan warna merah bagi perbuatan yang tidak baik. Manakala bagi bahagian C(2), kanak-kanak perlu memadankan 10 perbuatan dengan balasan yang diterima iaitu ganjaran pahala atau ganjaran dosa akibat daripada perlakuan yang dilakukan.

### 3.3.2 Senarai Semak

Senarai semak pemerhatian yang disediakan adalah untuk pengkaji melaksanakan pemerhatian kepada lima orang sampel yang telah dipilih. Senarai semak ini

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


bertujuan memudahkan pengkaji membuat pemerhatian dengan mudah dan tepat. Senarai semak yang dibina ini mengandungi tiga bahagian iaitu:

Bahagian A: Perlakuan nilai beriman

Bahagian B: Perlakuan nilai bersyukur

Bahagian C: Perlakuan nilai pembalasan

Senarai semak yang digunakan dalam kajian ini dibina berdasarkan rujukan daripada:

a. Buku Kurikulum Prasekolah Kebangsaan, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001)
b. Buku Pendidikan Kerohanian Dan Moral Prasekolah (Nik Rosila Nik Yaacob, 2010)
c. Buku Penilaian Dalam Pendidikan Prasekolah (Surayah Zaidon & Haslinda Md.Ali, 2009)

Bahagian A dalam senarai semak ini adalah berkaitan perlakuan nilai beriman. Perlakuan nilai yang diperhatikan oleh pengkaji ialah kanak-kanak dapat menyatakan manusia adalah ciptaan Allah, menyebut bukti kewujudan Allah, mengakui alam ciptaan Allah, mengingati Allah dengan membaca ‘basmallah’ apabila melakukan sesuatu dan menyebut benda-benda yang tidak boleh disembah oleh manusia.

Bahagian B pula berkaitan dengan perlakuan nilai bersyukur. Senarai semak yang disediakan adalah berkaitan nilai ini iaitu melafazkan ‘Alhamdulillah’ dan ‘terima kasih’, menyebut nikmat-nikmat Allah, menyebut sebab menyayangi ibu bapa serta mengetahui cara menjaga dan menyayangi binatang.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


Bahagian C mengandungi senarai semak berkaitan perlakuan nilai pembalasan. Bahagian ini mengandungi senarai semak mengenai perlakuan kanak-kanak yang dapat membezakan perbuatan baik dan tidak baik, ganjaran pahala dan dosa serta mematuhi peraturan di rumah dan di dalam kelas.

## 3.4 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Kesahan adalah suatu konsep merujuk kepada suatu ujian mengukur apa yang mahu diukur. Menurut Sidek (2002), kesahan dijelaskan sebagai persetujuan rapat di antara sesuatu ujian dengan kriteria tingkah laku yang diperhatikan secara bebas. Ianya melibatkan penentuan hubungan antara skor ujian ke atas perlakuan subjek. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan ujian perlakuan nilai akidah yang terdiri daripada ujian perlakuan nilai beriman, bersyukur dan pembalasan yang diperolehi daripada beberapa buah buku rujukan seterusnya mendapat rujukan pakar. Menurut Majid (2004), bagi meningkatkan kesahan sesuatu kandungan alat ukuran, pengkaji disyorkan mendapatkan penilaian daripada penilai luar yang terdiri daripada pakar-pakar yang mahir dalam bidang berkenaan. Dalam kajian ini, pengkaji telah membuat rujukan penilaian kepada tiga orang penilai luar berdasarkan kepada kerja dan pengalaman mereka dalam bidang Pendidikan Islam.

Satu set ujian perlakuan nilai akidah dan senarai semak pemerhatian telah diberi kepada pakar-pakar tersebut. Kesemua pakar ini telah membaca, meneliti, mengkaji dan memberi pandangan bagi menentukan kesahan kandungan ujian dan senarai semak pemerhatian tersebut. Satu set soal selidik telah diberi kepada pakar

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS



berkenaan untuk menentukan tahap kesahan ujian. Kajian ini dilaksanakan dengan bantuan soal selidik kesahan kandungan yang dibina oleh Jamaludin Ahmad (2002) dalam Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2005). Soal selidik ini dicipta berdasarkan kepada pandangan Russell (1974) tentang syarat-syarat kesahan modul yang dikemukakan oleh beliau. Soal selidik ini memerlukan jawapan berbentuk skala Likert lima mata iaitu (1) sangat setuju, (2) setuju, (3) tidak pasti, (4) tidak setuju dan (5) sangat tidak setuju. Oleh yang demikian, sesuatu ujian yang telah dinilai oleh pakar menggunakan soal selidik tersebut dikira nilai peratusannya dengan menggunakan formula berikut:

$$\frac{\text{Jumlah skor (X)}}{\text{Skor Maksimum (25)}} \times 100\% = \text{Pencapaian Kesahan Kandungan}$$

Jumlah skor yang diberikan oleh pakar melalui Skala Likert akan dijumlahkan (X) dan skor ini akan dibahagikan dengan skor maksimum Skala Likert (25) dan kemudiannya didarabkan dengan 100. Jika peratusannya melebihi 70 peratus maka ujian ini mempunyai kesahan kandungan yang baik dan begitulah sebaliknya jika peratusannya kurang daripada 70 peratus, ujian ini tidak mempunyai kesahan kandungan yang baik.

## 3.5 Kesahan Kandungan Ujian Perlakuan Nilai Akidah

Dalam kajian ini pengkaji telah membina satu soal selidik bagi menilai kesahan kandungan ujian perlakuan nilai akidah. Lima pilihan yang telah dikemukakan iaitu skala satu hingga lima yang bermaksud sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti,

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

setuju dan sangat setuju. Skor soal selidik yang telah disediakan adalah seperti jadual berikut;

Jadual 3.2

Soal Selidik Kesahan Kandungan Ujian Perlakuan Nilai Akidah

| Bil | Item | Pilihan |
|---|---|---|
| 1. | Kandungan ujian ini menepati sasaran populasinya. | 1/2/3/4/5/6/7/8/9/10 |
| 2. | Kandungan ujian ini boleh dilaksanakan dengan sempurna | 1/2/3/4/5/6/7/8/9/10 |
| 3. | Kandungan ujian ini bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan | 1/2/3/4/5/6/7/8/9/10 |
| 4. | Kandungan ujian ini dapat menguji perlakuan nilai yang dinyatakan | 1/2/3/4/5/6/7/8/9/10 |
| 5. | Kandungan ujian ini bersesuaian dengan perlakuan nilai yang diuji | 1/2/3/4/5/6/7/8/9/10 |

Menurut Mohd Majid Konting (2004), kesahan kandungan sesuatu ujian boleh ditentukan melalui pandangan pakar. Dalam kajian ini, pengkaji memilih tiga orang pakar untuk menilai kesahan kandungan ujian. Berdasarkan kepada maklum balas melalui jawapan soal selidik berbentuk Skala Likert yang telah diberikan oleh pakar, maka peratusan untuk keseluruhan ujian ditunjukkan seperti jadual di bawah.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS


Jadual 3.3

Pandangan Pakar Terhadap Kesahan Kandungan Ujian Perlakuan Nilai Akidah

| Penilai | Peratus | Pekali Kesahan |
|---|---|---|
| Pakar 1 | 100% | 1.00 |
| Pakar 2 | 94% | .94 |
| Pakar 3 | 96% | .96 |
| Kesahan Kandungan | | . 97 |

Berdasarkan kepada pandangan jawapan pakar, maka didapati ujian perlakuan nilai akidah yang terdiri daripada perlakuan nilai beriman, bersyukur dan pembalasan menepati sasaran, pelaksanaan, memuaskan, sesuai dengan masa yang diperuntukkan dan dapat menguji perlakuan nilai yang telah ditetapkan. Pekali kesahan kandungan ujian perlakuan nilai secara keseluruhannya mengikut pandangan pakar ialah .97.

## 3.6 Kajian Rintis

Kajian rintis dilakukan untuk melihat kebolehlaksanaan atau kemunasabahan sesuatu kajian yang bakal dilaksanakan. Kajian ini juga adalah bagi mengurangkan ralat dalam kajian sebenar kerana kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik yang digunakan telah diuji. Menurut Mertens (2005), sesuatu kajian rintis harus dilakukan sebelum menjalankan kajian sebenar sekurang-kurangnya kepada lima hingga sepuluh orang.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Bagi kajian ini, kajian rintis telah dijalankan kepada 10 orang kanak-kanak prasekolah yang berhampiran dengan prasekolah sampel yang terlibat. Satu kertas ujian iaitu ujian perlakuan nilai akidah yang terdiri daripada ujian perlakuan nilai beriman, bersyukur dan pembalasan dijalankan. Ujian ini dikendalikan sendiri oleh pengkaji bagi menentukan kesahihan isi kandungan ujian, ketepatan dan kejelasan item ujian. Ia juga bertujuan meninjau keselesaan responden kepada ujian, melihat jika terdapat soalan mengelirukan, memastikan arahan yang jelas dan penggunaan masa ujian yang munasabah.

Hasil daripada ujian rintis tersebut, kertas ujian ini juga telah diubahsuai gambar kerana berlaku sedikit kekeliruan kepada gambar yang diletakkan di dalam soalan. Pengkaji juga telah mempermudahkan arahan soalan bagi memberi kefahaman kepada kanak-kanak untuk menjalani ujian tersebut. Kertas ujian ini juga telah disemak oleh beberapa orang pakar Pendidikan Islam.

Selain itu, fokus juga untuk membina senarai semak pemerhatian yang akan digunakan dalam kajian. Penyesuaian senarai semak dengan tingkah laku kanak-kanak telah dilakukan. Senarai semak ini juga merujuk kepada beberapa orang pakar. Setelah kajian rintis ini dijalankan beberapa senarai semak telah diubahsuai dan ada yang disingkirkan. Senarai semak yang telah dibaiki hasil daripada perbincangan telah ditadbir semula.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

### 3.7 Prosedur Analisis Data

Bagi mendapatkan maklumat kajian yang dijalankan, pada peringkat awalnya penyediaan kertas cadangan kajian dilakukan setelah mendapat persetujuan daripada penyelia. Apabila dilakukan pembentangan dan mendapat persetujuan pihak fakulti maka pengkaji memohon kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Kementerian Pendidikan Malaysia. Apabila telah mendapat kebenaran daripada pihak EPRD, maka kebenaran telah dipohon daripada pentadbir sekolah untuk menjalankan kajian di prasekolah berkenaan.

Kajian penceritaan dilakukan sendiri oleh pengkaji kepada sampel yang terlibat. Bagi mendapatkan data kuantitatif, pengkaji telah menjalankan ujian pra dan ujian pos sebelum dan selepas penceritaan dijalankan. Untuk penyampaian maklumat yang tepat, pengkaji mentadbir sendiri ujian yang telah diberikan kepada sampel. Pengkaji mengambil masa enam minggu untuk penceritaan dan pentadbiran ujian tersebut mengikut perancangan kerja yang telah disusun. Hasil jawapan daripada sampel yang dikumpulkan akan dianalisis dan dibuat huraian dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) 17.0*. Fokus analisis adalah melihat perbezaan ujian pra dan ujian pos bagi kumpulan kawalan dan rawatan.

Bagi mendapatkan data melalui kaedah pemerhatian, pengkaji menggunakan senarai semak pemerhatian. Kelebihan menggunakan senarai semak ini antaranya dapat memberi gambaran sebenar dan terperinci berkenaan situasi sebenar dalam tempoh yang ditetapkan. Pemerhatian yang menggunakan senarai semak lebih mudah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

untuk dianalisis dan memberi ruang kepada pengkaji untuk membuat pemerhatian tanpa bantuan pengkaji lain. Pengkaji akan membuat pemerhatian selepas penceritaan bagi mengenal pasti kesan penerapan nilai yang telah ditetapkan dihayati oleh sampel terlibat. Sepanjang pemerhatian, setiap perlakuan dan apa yang dikatakan oleh sampel mengikut senarai semak yang disediakan akan direkodkan. Menurut Chua (2011), bagi meningkatkan kebolehpercayaan pemerhatian, pemerhatian boleh dilakukan secara triangular iaitu catatan pemerhatian dilakukan oleh beberapa pemerhati, pemerhatian dilakukan pada ruang atau tempat yang berlainan dan pemerhatian dilakukan pada masa-masa yang berlainan.

Kajian ini juga menggunakan kaedah temu bual separa berstuktur. Temu bual digunakan untuk memperoleh maklumat berkenaan fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak mengikut keperluan persoalan kajian (Mohd Majid, 2000). Seramai lima orang ibu atau bapa kepada kanak-kanak dan guru yang mengajar kanak-kanak tersebut ditemubual untuk mendapatkan maklumat berkaitan perkembangan mereka. Data temu bual memudahkan pengkaji mengenal pasti tema bagi setiap langkah dan memberi penerangan lanjut berkaitan nilai daripada perlakuan berkenaan. Hasil analisis data akan dipersembahkan dalam bentuk memerihalkan data atau menggunakan kekerapan tema melalui temu bual.

## 3.8 Kaedah Analisis Data

Data-data kuantitatif akan dianalisis menggunakankan perisisan *Statistical Package For The Social Sciences (SPSS) 17.0.* Penganalisisan data dibuat berdasarkan kepada

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

persoalan kajian dan hipotesis kajian menggunakan peratusan, min dan ujian-t. Ujian-t adalah untuk menguji perbezaan min kumpulan rawatan yang menjalani penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim berbanding dengan kumpulan kawalan yang tidak menjalani penceritaan tersebut.

Bagi data kualitatif pula, data akan dianalisis berdasarkan senarai semak yang telah disediakan. Data-data ini akan diperhatikan berdasarkan kepada tiga perlakuan nilai yang telah ditetapkan. Selain itu pengkaji juga akan menganalisis temu bual yang dilakukan kepada ibu atau bapa serta guru sampel yang terlibat.

## 3.9 Nilai Yang Dikaji

Bagi menjalankan kajian ini, pengkaji telah memilih dan memfokuskan 3 nilai yang akan diperhatikan terhadap sampel yang telah dipilih. Nilai yang akan difokuskan ialah dari dimensi akidah iaitu beriman, bersyukur dan pembalasan. Perlakuan nilai ini akan dilihat berdasarkan penceritaan daripada buku bersiri bertajuk ‘Bilal Dan Batu Besar’ bagi perlakuan nilai beriman, ‘Kerana Mendengar Suara Semut’ bagi perlakuan nilai bersyukur dan ‘Budak Perempuan Yang Bijak’ bagi perlakuan nilai pembalasan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

### 3.10 Rumusan

Bagi menjalankan kajian ini, beberapa perkara sebelum dan selepas kajian perlu diberi perhatian. Pengkaji perlu merangka reka bentuk kajian, pemilihan populasi dan sampel serta instrumen yang hendak digunakan. Penyediaan instrumen perlu mengambil kira keupayaannya untuk menjawab persoalan kajian yang dikemukakan. Setiap dapatan daripada data kuantitatif dan kualitatif akan dibincangkan di dalam bab empat dan bab lima.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

# BAB EMPAT

# DAPATAN KAJIAN

## 4.0 Pengenalan

Bab ini akan menganalisis, menghuraikan dan membincangkan dapatan kajian yang diperolehi terhadap responden. Penganalisisan data dibuat berdasarkan kepada data yang diperolehi melalui ujian (kuantitatif) yang diuji dan data yang diperolehi secara pemerhatian dan temu bual (kualitatif). Data-data yang dianalisis berdasarkan kepada persoalan kajian berkaitan kesan penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS



### 4.1 Dapatan Kajian Kuantitatif

Pengkaji akan membentangkan dapatan kajian yang diperolehi daripada penganalisisan data menerusi kertas ujian yang telah diedarkan menggunakan ujian-t. Ujian-t digunakan bagi mengukuhkan kebarangkalian nilai p yang diukur di mana nilai p yang kecil paras signifikannya pada aras 0.05 akan menolak hipotesis nol. Ujian yang dipilih adalah berdasarkan peratusan bertujuan mengenal pasti peratusan kanak-kanak yang menunjukkan peningkatan perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai beriman, bersyukur dan pembalasan berdasarkan jawapan daripada ujian. Ujian-t digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan penguasaan pencapaian perlakuan nilai akidah sebelum dan selepas penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim terhadap sampel kajian.

#### 4.1.1 Latar Belakang Responden

Seramai 40 orang kanak-kanak prasekolah berumur enam tahun yang terdiri daripada dua buah kelas prasekolah di sebuah sekolah di daerah Kinta, Perak, telah dipilih sebagai sampel kajian. Kanak-kanak telah dibahagikan kepada 20 orang dalam kumpulan kawalan dan 20 orang dalam kumpulan rawatan. Kumpulan kawalan menjalani pembelajaran seperti biasa manakala kumpulan rawatan menjalani proses penceritaan daripada buku bersiri Luqman Al-Hakim. Kesemua kanak-kanak ini adalah berketurunan Melayu dan beragama Islam.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS


Jadual 4.1

Data Demografi Subjek Kajian Kumpulan Kawalan

| Jantina | n | % |
|---|---|---|
| Lelaki | 12 | 60% |
| Perempuan | 8 | 40% |
| Jumlah keseluruhan | 20 | 100% |

Jadual 4.2

Data Demografi Subjek Kajian Kumpulan Rawatan

| Jantina | n | % |
|---|---|---|
| Lelaki | 9 | 45% |
| Perempuan | 11 | 55% |
| Jumlah keseluruhan | 20 | 100% |

Data demografi akan ditaksirkan untuk menggambarkan situasi sebenar subjek sebagai sampel kajian. Analisis aspek demografi subjek bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan ditunjukkan dalam jadual 4.1dan 4.2. Bilangan kanak-kanak lelaki adalah 12 orang (60%) dan kanak-kanak perempuan 8 orang (40%) daripada kumpulan kawalan. Bagi Kumpulan Rawatan pula adalah seramai 9 orang (45%) kanak-kanak lelaki dan 11 orang (55%) kanak-kanak perempuan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


### 4.1.2 Dapatan Analisis Kesan Penceritaan Buku Bersiri Luqman Al-Hakim Kumpulan Eksperimen Berdasarkan Kepada Hipotesis

Ujian-t telah digunakan bagi menganalisis data. Keputusan hasil dapatan adalah menguji hipotesis yang telah dikemukakan mengikut urutan. Ujian-t digunakan untuk mengukuhkan nilai p yang diukur mengikut aras signifikan 0.05. Keputusan akan dirumus oleh pengkaji dalam bab ini.

#### 4.1.2.1 Kesan Penceritaan Buku Bersiri Luqman Al-Hakim Terhadap Perlakuan Nilai Akidah dalam aspek Nilai Beriman

Terdapat empat hipotesis kajian bagi mengukur kesan penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim terhadap perlakuan nilai beriman iaitu;

Ho1 Tidak terdapat perbezaan signifikan min perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai beriman ujian pra antara kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan.

Ho2 Tidak terdapat perbezaan signifikan min perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai beriman ujian pra dan ujian pos kumpulan rawatan.

Ho3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai beriman ujian pra dan ujian pos kumpulan kawalan.

Ho4 Tidak terdapat perbezaan signifikan min perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai beriman pos ujian antara kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS



Jadual 4.3

Ujian-*t* Sampel Tidak bersandar Ujian Pra dan Ujian Pos Perlakuan Nilai Akidah dalam Aspek Nilai Beriman Antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan

| Pembolehubah | Kumpulan | Min | Sisihan Piawai | DK (n-2) | Nilai t | Nilai p |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Pra Perlakuan Nilai Beriman | R | 14.45 | 2.625 | 38 | -1.509 | .14 |
| | K | 15.10 | 2.490 | | | |
| Pos Perlakuan Nilai Beriman | R | 23.15 | 22.908 | 38 | 1.590 | 128 |
| | K | 15.25 | 2.613 | | | |

Berdasarkan Jadual 4.3 di atas, min perlakuan nilai beriman ujian pra bagi kumpulan rawatan ialah 14.45, manakala min perlakuan nilai beriman ujian pra bagi kumpulan kawalan ialah 15.10 dan perbezaan min bagi kedua-duanya ialah 0.65. Suatu ujian-*t* dikatakan signifikan apabila nilai kebarangkalian *p* adalah kurang daripada nilai aras signifikan 0.05. Keputusan ujian menunjukkan nilai kebarangkalian *p* adalah .14 dan nilai aras signifikan ialah 0.05. Jadi nilai kebarangkalian p didapati lebih besar daripada nilai aras signifikan iaitu .14>.05. Maka keputusan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan ujian pra perlakuan nilai beriman antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Oleh itu hipotesis (H01) tidak terdapat perbezaan signifikan dalam bacaan min ujian pra perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai beriman antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan adalah diterima.

Berdasarkan Jadual 4.3 di atas, min perlakuan nilai beriman ujian pos bagi kumpulan rawatan ialah 23.15, manakala min perlakuan nilai beriman ujian pos bagi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


kumpulan kawalan ialah 15.25 dan perbezaan min bagi kedua-duanya ialah 7.90. Keputusan ujian menunjukkan nilai kebarangkalian *p* adalah .128 dan nilai aras signifikan ialah 0.05. Jadi nilai kebarangkalian p didapati lebih besar daripada nilai aras signifikan iaitu .128>.05. Maka keputusan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan ujian pos perlakuan nilai beriman antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Oleh itu hipotesis (H04) tidak terdapat perbezaan signifikan dalam bacaan min ujian pos perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai beriman antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan adalah diterima.

Jadual 4.4

Ujian-t Sampel Berpasangan Ujian Pra dan Ujian Pos Perlakuan Nilai Akidah dalam Aspek Nilai Beriman Antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan

| Pembolehubah / Kumpulan | Ujian | Min | Sisihan Piawai | DK (n-1) | Nilai *t* | Nilai *p* |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Perlakuan Nilai Beriman Rawatan | Pra | 14.45 | 2.625 | 19 | -1.722 | .101 |
| | Pos | 23.15 | 22.908 | | | |
| Perlakuan Nilai Beriman Kawalan | Pra | 15.10 | 2.490 | 19 | -.232 | .819 |
| | Pos | 15.25 | 2.613 | | | |

Berdasarkan Jadual 4.4 di atas, min perlakuan nilai beriman ujian pra bagi kumpulan rawatan ialah 14.45, manakala min perlakuan nilai beriman ujian pos ialah 23.15 dan perbezaan min bagi kedua-duanya ialah 8.7. Suatu ujian-*t* dikatakan signifikan apabila nilai kebarangkalian *p* adalah kurang daripada nilai aras signifikan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

0.05. Keputusan ujian menunjukkan nilai kebarangkalian *p* adalah .101dan nilai aras signifikan ialah 0.05. Jadi nilai kebarangkalian *p* didapati lebih besar daripada nilai aras signifikan iaitu .101>.05. Maka keputusan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan ujian pra dan ujian pos perlakuan nilai beriman bagi kumpulan rawatan. Oleh itu hipotesis (Ho2) tidak terdapat perbezaan signifikan dalam bacaan min ujian pra dan ujian pos perlakuan nilai akidah dalam aspek perlakuan nilai beriman kumpulan rawatan adalah diterima.

Berdasarkan Jadual 4.4 di atas, min perlakuan nilai beriman ujian pra bagi kumpulan kawalan ialah 15.10, manakala min perlakuan nilai beriman ujian pos ialah 15.25 dan perbezaan min bagi kedua-duanya ialah 0.15. Keputusan ujian menunjukkan nilai kebarangkalian *p* adalah .819 dan nilai aras signifikan ialah 0.05. Jadi nilai kebarangkalian *p* didapati lebih besar daripada nilai aras signifikan iaitu .819>.05. Maka keputusan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan ujian pra dan ujian pos perlakuan nilai beriman bagi kumpulan kawalan. Oleh itu hipotesis (Ho3) tidak terdapat perbezaan signifikan dalam bacaan min ujian pra dan ujian pos perlakuan nilai akidah dalam aspek perlakuan nilai beriman kumpulan rawatan adalah diterima.

#### 4.1.2.2 Kesan Penceritaan Buku Bersiri Luqman Al-Hakim Terhadap Perlakuan Nilai Akidah Dalam Aspek Nilai Bersyukur

Terdapat empat hipotesis kajian bagi mengukur kesan penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim terhadap perlakuan nilai bersyukur iaitu;

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS



Ho5 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai bersyukur ujian pra antara kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan.

Ho6 Tidak terdapat perbezaan min perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai bersyukur ujian pra dan ujian pos kumpulan rawatan.

Ho7 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai bersyukur ujian pra dan ujian pos kumpulan kawalan.

Ho8 Tidak terdapat perbezaan signifikan min perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai bersyukur pos ujian antara kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan.

Jadual 4.5

Ujian-t Sampel Tidak Bersandar Ujian Pra dan Ujian Pos Perlakuan Nilai Akidah dalam Aspek Nilai Bersyukur antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan

| Pembolehubah | Kumpulan | Min | Sisihan Piawai | DK (n-2) | Nilai t | Nilai p |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Pra Perlakuan Nilai Bersyukur | R | 17.05 | 1.099 | 38 | .556 | .585 |
| | K | 16.85 | 1.089 | | | |
| Pos Perlakuan Nilai Bersyukur | R | 18.95 | 1.146 | 38 | 2.198 | .041 |
| | K | 17.45 | 3.000 | | | |

Berdasarkan Jadual 4.5 di atas, min perlakuan nilai bersyukur ujian pra bagi kumpulan rawatan ialah 17.05, manakala min perlakuan nilai bersyukur ujian pra bagi kumpulan kawalan ialah 16.85 dan perbezaan min bagi kedua-duanya ialah0.2. Suatu ujian-*t* dikatakan signifikan apabila nilai kebarangkalian *p* adalah kurang daripada

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

nilai aras signifikan .05. Keputusan ujian menunjukkan nilai kebarangkalian *p* adalah .585 dan nilai aras signifikan ialah .05. Jadi nilai kebarangkalian *p* didapati lebih besar daripada nilai aras signifikan iaitu .585> .05. Maka keputusan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan ujian pra perlakuan nilai bersyukur antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Oleh itu hipotesis (Ho5) tidak terdapat perbezaan signifikan dalam bacaan min ujian pra perlakuan nilai bersyukur antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan adalah diterima.

Berdasarkan Jadual 4.5 di atas, min perlakuan nilai bersyukur ujian pos bagi kumpulan rawatan ialah 18.95, manakala min perlakuan nilai bersyukur ujian pra bagi kumpulan kawalan ialah 17.45 dan perbezaan min bagi kedua-duanya ialah0.50. Suatu ujian-*t* dikatakan signifikan apabila nilai kebarangkalian *p* adalah kurang daripada nilai aras signifikan .05. Keputusan ujian menunjukkan nilai kebarangkalian *p* adalah .041 dan nilai aras signifikan ialah .05. Jadi nilai kebarangkalian *p* didapati lebih besar daripada nilai aras signifikan iaitu .041< .05. Maka keputusan kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan ujian pos perlakuan nilai bersyukur antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Oleh itu hipotesis (Ho8) tidak terdapat perbezaan signifikan dalam bacaan min ujian pra perlakuan nilai bersyukur antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan adalah ditolak.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS


Jadual 4.6

Ujian-t Sampel Berpasangan Ujian Pra dan Ujian Pos Perlakuan Nilai Akidah dalam Aspek Perlakuan Nilai Bersyukur antara Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan

| Pembolehubah / Kumpulan | Ujian | Min | Sisihan Piawai | DK (n-1) | Nilai *t* | Nilai *p* |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Perlakuan Nilai Bersyukur Rawatan | Pra | 17.05 | 1.099 | 19 | -5.146 | .000 |
| | Pos | 18.95 | 1.146 | | | |
| Perlakuan Nilai Bersyukur Kawalan | Pra | 16.85 | 1.089 | 19 | -.817 | .424 |
| | Pos | 17.45 | 3.000 | | | |

Berdasarkan Jadual 4.6 di atas, min perlakuan nilai bersyukur ujian pra bagi kumpulan rawatan ialah 17.05, manakala min perlakuan nilai bersyukur ujian pos ialah 18.95 dan perbezaan min bagi kedua-duanya ialah 1.9. Suatu ujian-*t* dikatakan signifikan apabila nilai kebarangkalian *p* adalah kurang daripada nilai aras signifikan 0.05. Keputusan ujian menunjukkan nilai kebarangkalian *p* adalah .000 dan nilai aras signifikan ialah 0.05. Jadi nilai kebarangkalian *p* didapati lebih kecil daripada nilai aras signifikan iaitu .000<.05. Maka keputusan kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan ujian pra dan ujian pos perlakuan nilai bersyukur kumpulan rawatan. Oleh itu hipotesis tidak terdapat perbezaan signifikan dalam bacaan min ujian pra dan ujian pos perlakuan nilai bersyukur antara kumpulan rawatan adalah ditolak.

Berdasarkan Jadual 4.6 di atas, min perlakuan nilai bersyukur ujian pra bagi kumpulan kawalan ialah 16.85, manakala min perlakuan nilai bersyukur ujian

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


pos ialah 17.45 dan perbezaan min bagi kedua-duanya ialah 1.4. Suatu ujian-*t* dikatakan signifikan apabila nilai kebarangkalian *p* adalah kurang daripada nilai aras signifikan 0.05. Keputusan ujian menunjukkan nilai kebarangkalian *p* adalah .424 dan nilai aras signifikan ialah 0.05. Jadi nilai kebarangkalian *p* didapati lebih kecil daripada nilai aras signifikan iaitu .424>.05. Maka keputusan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan ujian pra dan ujian pos perlakuan nilai bersyukur kumpulan kawalan. Oleh itu hipotesis (Ho3) tidak terdapat perbezaan signifikan dalam bacaan min ujian pra dan ujian pos perlakuan nilai bersyukur antara kumpulan rawatan adalah diterima.

#### 4.1.2.3 Kesan Penceritaan Buku Bersiri Luqman Al-Hakim Terhadap Perlakuan Nilai Akidah Dalam Aspek Nilai Pembalasan

Terdapat empat hipotesis kajian bagi mengukur kesan penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim terhadap perlakuan nilai pembalasan iaitu;

Ho9 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai pembalasan ujian pra antara kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan.

Ho10 Tidak terdapat perbezaan min perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai pembalasan ujian pra dan ujian pos kumpulan rawatan.

Ho11 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai pembalasan ujian pra dan ujian pos kumpulan kawalan.

Ho12 Tidak terdapat perbezaan signifikan min perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai pembalasan pos ujian antara kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Jadual 4.7

Ujian-t Sampel Tidak Bersandar Ujian Pra dan Ujian Pos Perlakuan Nilai Akidah dalam Aspek Perlakuan Nilai Pembalasan antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan

| Pembolehubah | Kumpulan | Min | Sisihan Piawai | DK (n-2) | Nilai t | Nilai p |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Pra Perlakuan Nilai Pembalasan | R | 16.20 | 2.353 | 38 | -.865 | .398 |
| | K | 16.70 | .923 | | | |
| Pos Perlakuan Nilai Pembalasan | R | 18.20 | 2.462 | 38 | 2.342 | .030 |
| | K | 16.55 | 2.038 | | | |

Berdasarkan Jadual 4.7 di atas, min perlakuan nilai pembalasan ujian pra bagi kumpulan rawatan ialah 16.20, manakala min perlakuan nilai pembalasan ujian pra bagi kumpulan kawalan ialah 16.70 dan perbezaan min bagi kedua-duanya ialah 0.5. Suatu ujian-*t* dikatakan signifikan apabila nilai kebarangkalian *p* adalah kurang daripada nilai aras signifikan .05. Keputusan ujian menunjukkan nilai kebarangkalian *p* adalah .398 dan nilai aras signifikan ialah .05. Jadi nilai kebarangkalian *p* didapati lebih besar daripada nilai aras signifikan iaitu .398>.05. Maka keputusan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan ujian pra perlakuan nilai pembalasan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Oleh itu hipotesis (Ho9) tidak terdapat perbezaan signifikan dalam bacaan min ujian pra perlakuan nilai pembalasan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan adalah diterima.

Berdasarkan Jadual 4.7 di atas, min perlakuan nilai pembalasan ujian pos bagi kumpulan rawatan ialah 18.20, manakala min perlakuan nilai pembalasan ujian pos

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS


bagi kumpulan kawalan ialah 16.55 dan perbezaan min bagi kedua-duanya ialah 1.65. Suatu ujian-*t* dikatakan signifikan apabila nilai kebarangkalian *p* adalah kurang daripada nilai aras signifikan .05. Keputusan ujian menunjukkan nilai kebarangkalian *p* adalah .03 dan nilai aras signifikan ialah .05. Jadi nilai kebarangkalian *p* didapati lebih besar daripada nilai aras signifikan iaitu .03<.05. Maka keputusan kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan ujian pos perlakuan nilai pembalasan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Oleh itu hipotesis (Ho12) tidak terdapat perbezaan signifikan dalam bacaan min ujian pos perlakuan nilai pembalasan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan adalah ditolak.

Jadual 4.8

Ujian-t Sampel Berpasangan Ujian Pra dan Ujian Pos Perlakuan Nilai Akidah dalam aspek Nilai Pembalasan antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan

| Pembolehubah / Kumpulan | Ujian | Min | Sisihan Piawai | DK (n-1) | Nilai *t* | Nilai *p* |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Perlakuan Nilai Pembalasan Rawatan | Pra | 16.20 | 2.353 | 19 | -2.653 | .016 |
| | Pos | 18.20 | 2.462 | | | |
| Perlakuan Nilai Pembalasan Kawalan | Pra | 16.70 | .923 | 19 | .304 | .764 |
| | Pos | 16.55 | 2.038 | | | |

Berdasarkan Jadual 4.8 di atas, min perlakuan nilai pembalasan ujian pra bagi kumpulan rawatan ialah 16.20, manakala min perlakuan nilai pembalasan ujian pos ialah 18.20 dan perbezaan min bagi kedua-duanya ialah 2.0. Suatu ujian-*t* dikatakan signifikan apabila nilai kebarangkalian *p* adalah kurang daripada nilai aras signifikan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


0.05. Keputusan ujian menunjukkan nilai kebarangkalian *p* adalah .016 dan nilai aras signifikan ialah 0.05. Jadi nilai kebarangkalian p didapati lebih kecil daripada nilai aras signifikan iaitu .016<.05. Maka keputusan kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan ujian pra dan ujian pos perlakuan nilai pembalasan kumpulan rawatan. Oleh itu hipotesis (Ho10) tidak terdapat perbezaan signifikan dalam bacaan min ujian pra dan ujian pos perlakuan nilai pembalasan kumpulan rawatan adalah ditolak.

Berdasarkan Jadual 4.8 di atas, min perlakuan nilai pembalasan ujian pra bagi kumpulan kawalan ialah 16.70, manakala min perlakuan nilai pembalasan ujian pos ialah 16.55 dan perbezaan min bagi kedua-duanya ialah 0.15. Suatu ujian-*t* dikatakan signifikan apabila nilai kebarangkalian *p* adalah kurang daripada nilai aras signifikan 0.05. Keputusan ujian menunjukkan nilai kebarangkalian *p* adalah .764 dan nilai aras signifikan ialah 0.05. Jadi nilai kebarangkalian p didapati lebih kecil daripada nilai aras signifikan iaitu .764>.05. Maka keputusan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam bacaan ujian pra dan ujian pos perlakuan nilai pembalasan kumpulan rawatan. Oleh itu hipotesis (Ho11) tidak terdapat perbezaan signifikan dalam bacaan min ujian pra dan ujian pos perlakuan nilai pembalasan kumpulan rawatan adalah diterima.

## 4.2 Dapatan Kajian Kualitatif

Bahagian ini akan memaparkan dapatan kajian kualitatif bagi menjawab persoalan kajian seperti berikut:

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P



a. Adakah terdapat kesan penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim terhadap perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai beriman kanak-kanak prasekolah?
b. Adakah terdapat kesan penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim terhadap perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai bersyukur kanak-kanak prasekolah?
c. Adakah terdapat kesan penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim terhadap perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai pembalasan kanak-kanak prasekolah?

### 4.2.1 Kesan Penceritaan Buku Bersiri Luqman Al-Hakim Terhadap Perlakuan Nilai Akidah Dalam Aspek Nilai Beriman Kanak-kanak Prasekolah

Pengkaji telah menemu bual semua ibu dan guru kepada lima orang sampel yang telah dipilih bagi mendapatkan maklumat mengenai kesan daripada penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim terhadap perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai beriman yang dijalankan oleh pengkaji. Hasil daripada proses temu bual tersebut telah menunjukkan bahawa terdapat kesan daripada penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim terhadap perlakuan nilai beriman. Ibu dan guru telah menyatakan bahawa kanak-kanak ini telah menunjukkan kesan dalam perlakuan nilai beriman mereka hasil daripada penceritaan tersebut berdasarkan temu bual seperti contoh berikut.

*Contoh 1 :*

*Ibu K1 : " ….Dekat dengan rumah saya memang ada tokong cina. Baru ni lepas balik sekolah anak saya tanya saya mengapa orang cina sembah tokong, dia tak takut ke. Saya jawab memang tak boleh, orang Islam kena sembah Allah. Bila saya tanya*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P



*dia, rupa-rupanya dia beritahu ustazah cerita di sekolah."*

*Contoh 2:*

*Guru : "… dia ada sebut masa saya mengajar bertemakan buah-buahan… Allah jadikan buah untuk semua orang dapat makan……".*

Pengkaji telah menjalankan pemerhatian kepada lima sampel kanak-kanak sebelum dan selepas penceritaan telah menunjukkan dapatan perlakuan yang berbeza. Berdasarkan kepada perbandingan senarai semak pra dan pasca terdapat pertambahan perlakuan nilai beriman bagai kanak-kanak yang terlibat sebagai sampel. Namun begitu pemerhatian perlakuan nilai beriman hanya menunjukkan sedikit pertambahan perlakuan selepas penceritaan berbanding sebelum penceritaan.

Perlakuan nilai beriman telah ditunjukkan oleh K2 yang berlaku sewaktu rehat. K2 telah masuk ke bahagian dapur prasekolah bersama rakannya pada hari pertama bulan Ramadhan. K2 telah berlari memberitahu gurunya kerana rakannya hendak minum air sedangkan dia berpuasa. K2 telah menyatakan kepada gurunya bahawa walaupun perbuatan rakannya tidak diketahui oleh ibunya, tetapi Allah sentiasa melihat perbuatan tersebut.

Perlakuan nilai beriman yang ditunjukkan oleh K1 iaitu sewaktu menonton video. K1 telah menonton video bersama guru dan rakan-rakannya. Lima minit selepas tayangan tersebut, tiba-tiba K1 telah bertanya kepada gurunya mengenai patung gajah yang disembah oleh penganut lain yang ditunjukkan di dalam video

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

tersebut. K1 telah menyatakan bahawa patung gajah tidak boleh disembah dan orang Islam perlu sembah Allah sahaja.

### 4.2.2 Kesan Penceritaan Buku Bersiri Luqman Al-Hakim Terhadap Perlakuan Nilai Akidah Dalam Aspek Nilai Bersyukur Kanak-kanak Prasekolah

Pengkaji telah menemu bual semua ibu dan guru kepada lima orang sampel yang telah dipilih bagi mendapatkan maklumat mengenai kesan daripada penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim terhadap perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai bersyukur yang dijalankan oleh pengkaji. Hasil daripada proses temu bual tersebut telah menunjukkan bahawa terdapat kesan daripada penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim terhadap perlakuan nilai bersyukur. Ibu dan guru telah menyatakan bahawa kanak-kanak ini telah menunjukkan kesan dalam perlakuan nilai bersyukur mereka hasil daripada penceritaan tersebut berdasarkan temu bual seperti contoh berikut.

*Contoh 1:*

*Ibu K4 : "Ooo…patut le baru ni dia selalu mengucapkan terima kasih pada saya… rupa-rupanya dia dengar cerita ustazah.. kalau tidak selalu nak kena ajar baru nak cakap"*

*Contoh 2:*

*Ibu K5 : " …anak saya ada cakap baru ni masa dalam kereta, waktu tu nampak orang*

*cacat bertongkat le.. mama… Kalau orang yang ada sebelah kaki, dia pun*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P



*kena kata Alhamdulillah jugakan…"*

*Contoh 3:*

*Ibu K1 : "Anak saya memang sayang kucing. kalau dia nampak kucing tepi jalan pun dia akan dukung, saya yang tak berapa nak bagi sebab dia ada penyakit lelah…"*

*Contoh 4:*

*Ibu K2: " Baru ni dia ada sebut pada saya kisah Nabi Sulaiman faham bahasa binatang. Dia beritahu tak boleh bunuh semut ikut suka hati…"*

*Contoh 5:*

*Guru : " Saya dengar adalah kanak-kanak ni… ucapkan terima kasih pada kawan-kawan dia..".*

Pengkaji telah menjalankan pemerhatian kepada lima sampel kanak-kanak sebelum dan selepas penceritaan telah menunjukkan dapatan perlakuan yang berbeza. Berdasarkan kepada perbandingan senarai semak pra dan pasca terdapat pertambahan perlakuan nilai bersyukur bagai kanak-kanak yang terlibat sebagai sampel. Hasil pemerhatian perlakuan nilai bersyukur menunjukkan banyak pertambahan perlakuan selepas penceritaan berbanding sebelum penceritaan. Perlakuan-perlakuan nilai bersyukur yang paling kerap dilakukan adalah nilai mengucapkan ucapan 'terima kasih' dan 'Alhamdulillah. Nilai ini juga telah ditunjukkan semasa pemerhatian sebelum penceritaan, namun ia telah menunjukkan pertambahan kekerapan diucapkan selepas penceritaan. Ucapan terima kasih ini telah diucapkan kepada guru, rakan-

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

rakan kanak-kanak dan pembantu di prasekolah. Walaupun ucapan ini telah pun biasa diucapkan sebelum penceritaan tetapi telah berlaku kekerapan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan di dalam kelas.

Di antara perlakuan nilai bersyukur yang ditunjukkan ialah yang berlaku kepada K3. Sewaktu K3 berada di dalam kelas untuk proses pembelajaran, guru mengarahkan semua kanak-kanak untuk mewarna. K3 kelihatan tidak ceria kerana dia warna penselnya telah pendek. Rakan K3 telah meminjamkan pensel warna kepada K3. K3 terus mewarnai tugasan yang diberi oleh gurunya. Setelah selesai tugasan mewarna, K3 terus memulangkan warna dan mengucapkan terima kasih. K3 berharap untuk meminjam lagi warna kawannya kerana pensel warna beliau telah pendek.

Dari segi ucapan 'Alhamdulillah' sebelum dan selepas penceritaan kanak-kanak telah biasa melakukannya seperti setelah tamat belajar, selesai makan dan keluar daripada tandas. Namun pertambahan perlakuan diperhatikan apabila kanak-kanak dapat melafazkannya setelah selesai melakukan aktiviti di luar kelas iaitu aktiviti melihat alam kejadian Allah selepas penceritaan dijalankan. Perlakuan nilai ini dapat diperhatikan kepada K5. K5 dan semua rakannya telah dibawa ke padang sekolah untuk aktiviti di luar kelas. K5 kelihatan melompat dan berlari-lari di padang. Tiba-tiba K5 berhenti berlari dan memandang ke langit. K5 telah memanggil rakannya dan menyuruh rakannya memandang ke langit. K5 telah menunjukkan awan yang menyatakan bahawa awan kelihatan cantik dan melafazkan 'Alhamdulillah'.

Daripada pemerhatian ini juga didapati K1 telah menunjukkan perlakuan paling kerap mengasihi binatang. Pemerhatian ini dilihat berlaku di dalam kelas. K1

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

sedang menyiapkan kerja yang diberi oleh guru. Tiba-tiba seekor anak kucing telah masuk ke dalam kelas mereka. K1 berhenti seketika menyiapkan tugasannya. Dia meluru ke arah kawan-kawannya lalu memarahi kawan-kawannya yang telah melempar kucing keluar daripada kelas mereka. Beliau telah menyatakan bahawa ustazah telah bercerita mengenai perlunya menyayangi binatang.

### 4.2.3 Kesan Penceritaan Buku Bersiri Luqman Al-Hakim Terhadap Perlakuan Nilai Akidah Dalam Aspek Nilai Pembalasan Kanak-kanak Prasekolah

Pengkaji telah menemu bual semua ibu dan guru kepada lima orang sampel yang telah dipilih bagi mendapatkan maklumat mengenai kesan daripada penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim terhadap perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai pembalasan yang dijalankan oleh pengkaji. Hasil daripada proses temu bual tersebut telah menunjukkan bahawa terdapat kesan daripada penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim terhadap perlakuan nilai pembalasan. Ibu dan guru telah menyatakan bahawa kanak-kanak ini telah menunjukkan kesan dalam perlakuan nilai pembalasann mereka hasil daripada penceritaan tersebut berdasarkan temu bual seperti contoh berikut.

*Contoh 1:*

*Ibu K3: "Anak saya beritahu dia tidak marah kawan dia yang selalu kacau dia di sekolah agama sebab katanya kawan dia tu kecil lagi. Ustazah cerita kat sekolah, kalau kita maafkan orang nanti Allah sayang….".*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P



*Contoh 2:*

*Ibu K5 : "Dia ada cakap baru-baru ni, kalau mama nak buat air Milo mesti buat sedap-sedap, jangan cair-cair… sebab nanti Allah nampak kalau mama buat tak sedap.. kalau Allah marah nanti masuk neraka"*

*Contoh 3:*

*Ibu K4: "Dia suka solat dengan atuk dia sekarang ni..sebab katanya nak masuk syurga… baru ni dia ada sebut pada saya.. mak nak jadi orang baik tak, boleh masuk syurga".*

Pengkaji telah menjalankan pemerhatian kepada lima sampel kanak-kanak sebelum dan selepas penceritaan telah menunjukkan dapatan perlakuan yang berbeza. Berdasarkan kepada perbandingan senarai semak pra dan pasca terdapat pertambahan perlakuan nilai pembalasan bagai kanak-kanak yang terlibat sebagai sampel. Hasil pemerhatian perlakuan nilai pembalasan menunjukkan banyak pertambahan perlakuan selepas penceritaan berbanding sebelum penceritaan.

Perlakuan nilai pembalasan dapat diperhatikan sewaktu K5 bermain di pondok permainan selepas waktu rehat. K5 telah berkejar-kejaran bersama dua rakannya. Tiba-tiba rakan K5 telah menolak seorang lagi rakan yang lain. K5 terus menegur rakannya agar tidak menolak sesama mereka. K5 menyatakan kepada rakannya agar mengingati cerita guru mereka kerana jika menolak kawan akan mendapat dosa. Orang yang berdosa boleh dimasukkan ke dalam neraka.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Perlakuan nilai pembalasan yang dapat diperhatikan lagi apabila K4 telah memaafkan rakannya yang telah memukulnya. Situasi ini berlaku di dalam kelas. K4 sedang menyiapkan lembaran kerja yang diberi oleh guru Bahasa Inggeris. Sedang K4 menulis, tiba-tiba dia telah tertolak tangan rakannya. K4 telah dimarahi dan dipukul oleh rakannya. Namun K4 tidak membalas perbuatan rakannya itu. Apabila ditanya oleh guru, K4 mengatakan bahawa orang yang selalu buat baik akan disayangi Allah seperti dalam cerita ‘Budak Perempuan Yang Bijak’.

## 4.4 Rumusan

Bab ini telah menghuraikan hasil dapatan kajian secara kuantitatif dan kualitatif. Dapatan kajian kuantitatif telah menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi kumpulan rawatan kepada kesan penceritan buku bersiri Luqman Al-Hakim terhadap perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai beriman. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan yang signifikan bagi min kumpulan rawatan kepada kesan penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim terhadap perlakuan nilai akidah dalam aspek nilai bersyukur dan pembalasan. Dapatan kajian kualitatif pula menunjukkan bahawa terdapat kesan penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim terhadap ketiga-tiga perlakuan nilai akidah dalam aspek perlakuan nilai beriman, bersyukur dan pembalasan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

# BAB LIMA

# PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

## 5.0 Pengenalan

Bab ini merumus dan membincangkan mengenai dapatan kajian secara lebih mendalam berdasarkan teori, kajian-kajian lepas serta pandangan peribadi. Hasil dapatan kajian akan dikemukakan cadangan-cadangan untuk kajian-kajian lanjutan beserta rumusan keseluruhan laporan kajian ini. Bab ini juga akan membincangkan dan mengupas hasil yang telah dianalisis daripada kajian, cadangan-cadangan dan kesimpulan kajian.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS



## 5.1 Perbincangan Dapatan Kajian

Keputusan kajian menunjukkan penceritaan daripada buku bersiri Luqman Al-Hakim telah dapat memberi kesan kepada perlakuan nilai akidah bagi kanak-kanak prasekolah. Perlakuan nilai-nilai akidah iaitu perlakuan nilai beriman, bersyukur dan pembalasan dapat ditingkatkan di dalam penceritaan tersebut. Keputusan kajian menunjukkan bahawa penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim terhadap perlakuan nilai akidah telah menunjukkan perbezaan min berdasarkan kepada data kuantitatif. Namun begitu kesan perlakuan ini dapat juga dilihat melalui data kualitatif yang dijalankan berdasarkan daripada pemerhatian dan temu bual.

### 5.1.1 Kesan Penceritaan Buku Bersiri Luqman Al-Hakim Terhadap Perlakuan Nilai Akidah Dalam Aspek Nilai Beriman

Hasil kajian penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim terhadap perlakuan nilai beriman dapat memberi kesan positif kepada kanak-kanak. Walaupun berlaku perbezaan min yang sedikit bagi kumpulan rawatan berdasarkan perbandingan ujian pra dan ujian pos, tetapi melalui data kualitatif telah menunjukkan berlaku peningkatan perlakuan nilai beriman. Kesan ini telah dapat melihat perlakuan kanak-kanak yang meyakini Allah merupakan 'Rab' sembahan manusia yang satu. Kanak-kanak terlibat dapat meyakini Allah sebagai pencipta alam dan melihat perbezaan ciptaan Allah dan ciptaan manusia.

Dapatan kajian ini telah menyokong kajian oleh Novi Romawati (2007) dalam kajian 'Metod Bercerita Sebagai Penanaman Pendidikan Islam pada Anak Usia

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P



Prasekolah Di Taman Kanak-kanak Bait Al-Falah' menyatakan menurut Asnelli (2000), tujuan teknik bercerita dalam pendidikan kanak-kanak adalah untuk menanamkan akhlak Islamiah dan perasaan ketuhanan kepada kanak-kanak dengan harapan melalui pendidikan dapat merangsang kanak-kanak untuk sentiasa merenung dan berfikir sehingga wujudnya perasaan tersebut di dalam kehidupan sehariannya.

Kajian ini juga melihat dapatan kajian oleh Rosnaaini Hamid (2004) yang mendapati bentuk pendidikan surah Luqman terdiri daripada strategi pendidikan Luqman Al-Hakim, pendidikan anak-anak berkaitan hubungan dengan Allah S.W.T. dan hubungan sesama manusia. Pendidikan keibubapaan yang diperkenalkan oleh Luqman Al-Hakim bersesuaian sepanjang zaman serta mencakupi setiap aspek keperluan anak-anak untuk berhadapan dengan tanggungjawab sebagai seorang muslim dan cabaran semasa.

Justeru dapatan kajian ini mendapati buku bersiri Luqman Al-Hakim dapat memberi kesan terhadap perlakuan nilai beriman terhadap kanak-kanak. Ini adalah kerana kanak-kanak perlu diterapkan sesuai dengan peringkat umur mereka iaitu salah satunya melalui penceritaan. Penerapan nilai kepada mereka tidak perlu dilakukan seperti kepada orang dewasa. Kajian ini menyokong kajian lalu yang menyatakan bercerita merupakan salah satu teknik yang sesuai bagi menerapkan nilai-nilai murni kepada kanak-kanak. Abdul Ghani dan Abd. Rahman (2009) di dalam buku mereka yang bertajuk 'Mengurus Tingkah Laku Pelajar' menyebut mengenai kepentingan bercerita. Melalui aktiviti bercerita, kanak-kanak ataupun pelajar didedahkan dengan bahan hiburan yang indah dan bermakna. Terdapat banyak unsur pengajaran dan pendidikan yang dapat membantu kanak-kanak meniru, menyerap dan mencontohi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


pengalaman dan tingkah laku mulia yang terdapat dalam cerita sebagai panduan hidup mereka.

Oleh itu, biarpun kanak-kanak ini masih di peringkat prasekolah, kanak-kanak sudah perlu diterapkan dengan perlakuan nilai beriman  kerana akidah merupakan asas utama dalam pendidikan. Mastura Badzis (2009) menyatakan bahawa antara idea utama yang dikemukakan oleh teori kanak-kanak ialah belajar melalui pemerhatian dan mudah meniru apa sahaja perlakuan.  Untuk mengekalkan tingkah laku yang baik yang ditunjukkan oleh seseorang kanak-kanak, maka mereka perlu diberi pengukuhan. Imam Al-Ghazali menekankan pentingnya ibu bapa dan pendidik sebagai ikutan yang baik kepada kanak-kanak.  Dalam pendidikan kanak-kanak ini, pelbagai teknik yang boleh dilakukan bagi menerapkan nilai yang baik contohnya adalah melalui bercerita.

### 5.1.2 Kesan Penceritaan Buku Bersiri Luqman Al-Hakim Terhadap Perlakuan Nilai  Akidah Dalam Aspek Nilai Bersyukur

Kajian yang menyokong dapatan kajian kesan penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim terhadap perlakuan nilai bBersyukur ialah kajian pengamalan nilai murni di kalangan pelajar oleh Mohd Faizal (2006).  Kajian ini telah dapat mengetahui bahawa pengamalan nilai murni ‘kesyukuran’ adalah nilai murni paling dominan dihayati di kalangan pelajar berbanding 16 aspek nilai murni yang dicadangkan penerapannya oleh Falsafah Pendidikan Negara dalam kurikulum.  Implikasi daripada nilai ‘kesyukuran’ ini akan dapat melahirkan pelajar-pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


Dapatan kajian menunjukkan perlakuan nilai bersyukur dapat diterapkan daripada penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim. Dapatan ini adalah seperti kajian oleh Norizan, (2003) yang menghasilkan perisian kursus yang dinamakan sebagai 'Sehari Bersama Luqman (SBL)' menggunakan pendekatan bercerita dan bermain bagi menyampaikan pelajaran akhlak harian dan nilai murni di rumah. Perisian menggunakan penceritaan dan bermain ini dapat memberi pendedahan mengenai adat, tatatertib, budaya dan cara hidup masyarakat Islam. Perlakuan nilai bersyukur seperti ucapan 'Alhamdulillah' dan 'terima kasih' merupakan amalan nilai murni yang menjadi amalan yang perlu terus dikekalkan dan diterap semenjak kanak-kanak lagi.

Seterusnya hasil kajian ini juga telah menyokong kajian oleh Fatin Adila (2011), yang ingin melihat sejauhmanakah keberkesanan teknik bercerita dalam membantu menerapkan tingkah laku positif dalam kalangan kanak-kanak prasekolah Dalam kajian beliau bertajuk 'Teknik bercerita Dalam Membantu Menerapkan Tingkah Laku Positif Dalam Kalangan Kanak-kanak Prasekolah' dapat mengenal pasti tingkah laku positif yang kurang diamalkan oleh kanak-kanak prasekolah dan meningkatkan tingkah laku positif terhadap kanak-kanak prasekolah melalui teknik bercerita. Hasil kajian ini menunjukkan tingkah laku positif yang ingin diterapkan dalam diri kanak-kanak prasekolah ialah meminta kebenaran untuk meminjam barang dari rakan dan menunjukkan amalan berterima kasih telah dapat diterapkan.

Penceritaan yang telah dijalankan ke atas buku bersiri Luqman Al-Hakim bertemakan kepada tiga perlakuan nilai akidah dalam aspek bersyukur dapat dihayati oleh kanak-kanak. Berdasarkan dapatan kajian yang telah diperolehi, dapatlah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS



dirumuskan bahawa pelaksanaan penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim telah dapat memberi impak di dalam perlakuan kanak-kanak terhadap nilai bersyukur. Ini bertepatan dengan Forester (1999); McDrury dan Alterio (2002) seperti di dalam Abdul Rashid Jamian dan Zuraini Jusoh (2007) menyatakan bercerita dikenal pasti sebagai satu cara yang paling berkesan untuk menyampaikan idea dan mengakibatkan perubahan dalam pembelajaran. Bercerita bukan suatu penemuan baru dalam dunia pendidikan dan keberkesanannya dalam menghasilkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran tidak dinafikan (Choo, 2003).

**5.1.3 Kesan Penceritaan Buku Bersiri Luqman Al-Hakim Terhadap Perlakuan Nilai Akidah Dalam Aspek Perlakuan Nilai Pembalasan**

Nik Rosila (2010) menjelaskan bahawa Imam Al-Ghazali menggunakan pendekatan tertentu dalam pendidikan kanak-kanak sesuai dengan kehendak Al-Quran dan ajaran Nabi Muhammad S.A.W. Terdapat lima pendekatan yang digunakan oleh beliau iaitu mendidik, disiplin diri, mengajar, asuhan yang baik dan penyucian akhlak. Al-Ghazali juga menekankan latihan melalui kebiasaan iaitu kebiasaan yang baik perlu diterapkan kepada individu sejak dari peringkat awal kanak-kanak lagi. Kebiasaan ini penting dan berkesan kerana jiwa kanak-kanak pada tahap ini masih lagi bersih dan menerima apa-apa sahaja yang diberikan oleh ibu bapa, guru dan orang di sekeliling mereka. Penjelasan perlu diberikan antara positif dan negatif, denda, ganjaran dan ancaman bergantung kepada situasi dan keadaan tertentu.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Dapatan kajian ini yang menunjukkan bahawa buku bersiri bertajuk ‘Budak Perempuan Yang Bijak’ dapat meningkatkan perlakuan nilai pembalasan kepada subjek yang terlibat. Arieff Salleh dan Wardah (2006) dalam buku mereka bertajuk ‘Membentuk Jati Diri Remaja’ pada muka surat 74 menyatakan bahawa iman yang luhur menghasilkan akhlak yang mulia. Apabila iman tidak ditanam dalam jiwa kanak-kanak sejak kecil, adalah sukar melihat hasilnya daripada aspek yang mulia dalam usia remaja dan dewasa. Seseorang kanak-kanak yang dibesarkan dalam suasana iman kepada Allah S.W.T. dididik supaya takutkan Allah, sentiasa menjaga diri supaya tidak melakukan maksiat dan dosa walaupun dosa kecil, menggantungkan diri kepada Allah dan menyerahkan segala urusannya kepada Allah. Bagi menyampaikan ilmu ketauhidan ini maka kanak-kanak boleh menerimanya melalui teknik-teknik yang sesuai dengan mereka seperti bercerita.

Kajian ini menunjukkan buku bersiri yang digunakan telah dapat meningkatkan nilai bahawa Allah sentiasa melihat perlakuan dan setiap perlakuan itu akan dibalas oleh Allah. Nilai ini dapat meningkat jati diri kanak-kanak agar sentiasa melakukan kebaikan dan menjauhi kejahatan kerana takutkan balasan Allah. Ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Maisarah dan Latifah (2011) dalam kajian mereka bertajuk ‘Kajian Pembentukan Jati Diri Kanak-kanak Melalui Bahan Bacaan Bahasa Malaysia’. Kajian yang menggabungkan metode kepustakaan dan lapangan menggunakan instrumen kajian meliputi temu bual, pemerhatian dan analisis kandungan. Hasil kajian mereka mendapati bahawa bahan bacaan Bahasa Malaysia memberi kesan positif terhadap pembentukan jati diri kanak-kanak.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


Hasil daripada pemerhatian dan temu bual bersama ibu atau bapa dan guru kanak-kanak tersebut, kanak-kanak telah mempunyai perlakuan nilai pembalasan di dalam diri mereka. Nilai ini mereka telah perolehi daripada pendidikan yang diberi oleh ibu bapa dan guru di sekolah. Namun begitu, perlakuan nilai pembalasan ini telah dapat ditingkatkan selepas penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim. Daripada pemerhatian juga didapati kanak-kanak lebih suka menerima pembelajaran mereka secara bercerita kerana sesuai dengan perkembangan umur mereka. Sharifah Nor Puteh dan Aliza (2011) dalam jurnal mereka bertajuk 'Pendekatan Bermain Dalam Pengajaran Bahasa dan Literasi Bagi Pendidikan Prasekolah' menyatakan bahawa Badan penyelidikan pendidikan awal kanak-kanak, iaitu *National Association for the Education of Young Children* (NAEYC) percaya bahawa kanak-kanak belajar mengikut keperluan dan perkembangan mereka. NAEYC (2008) sentiasa menekankan amalan-amalan terbaik dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan awal kanak-kanak seharusnya bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak.

## 5.2 Implikasi Ujian

Berdasarkan penyataan masalah yang menjadi fokus kajian, pengkaji mendapati penerapan nilai terutama nilai akidah amat penting diterapkan kepada kanak-kanak dan ianya perlu diambil perhatian serius. Penceritaan merupakan salah satu kaedah terbaik untuk menerapkan nilai-nilai yang baik kepada kanak-kanak. Oleh itu buku-buku cerita berunsur agama perlu diperbanyakkan. Selain itu, penekanan juga perlu kepada buku-buku yang boleh melibatkan ahli keluarga bersama-sama

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


bertanggungjawab membantu dan menerapkan nilai akidah. Ibu bapa boleh bersama-sama bercerita dengan anak-anak dan menerima pengajaran melalui teladan. Buku bersiri ini juga boleh digunakan sebagai salah satu bahan bantu mengajar kepada guru-guru. Kajian penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim memberikan implikasi terhadap perlakuan nilai akidah kanak-kanak prasekolah. Penceritaan yang disampaikan kepada kanak-kanak adalah untuk menyampaikan nilai yang terdapat di dalamnya. Salah satu implikasi penceritaan ini adalah dapat menarik minat kanak-kanak terhadap pelajaran yang disampaikan. Hal ini kerana pengkaji telah menceritakan kepada kanak-kanak mengenai suatu situasi disamping menerapkan perlakuan nilai kepada kanak-kanak.

Proses penceritaan ini dapat menarik minat kanak-kanak kerana buku bersiri yang dikemukakan adalah berkait rapat dengan cerita kanak-kanak dan kehidupan seharian secara kontektual. Kanak-kanak akan lebih mudah memahami sesuatu situasi atau cerita yang berkait rapat dengan kehidupan seharian mereka. Oleh itu kanak-kanak dapat melakukan perkaitan dengan kehidupan mereka dan menjadikan pembelajaran mereka lebih menarik. Namun begitu isi cerita di dalam buku bersiri tersebut boleh dipermudahkan lagi bagi meningkatkan kefahaman kanak-kanak. Guru yang mengendalikan penceritaan tersebut juga boleh mengaitkan penceritaan daripada buku bersiri Luqman Al-Hakim dengan konsep lain seperti sifat bersyukur yang dikaitkan dengan binatang, prihatin dengan persekitaran atau membezakan perlakuan baik atau buruk berdasarkan situasi semasa kanak-kanak.

Sewaktu proses penceritaan dijalankan, alat bantu mengajar digunakan seperti bahan-bahan maujud serta kad-kad gambar dan perkataan. Pengkaji menjalankan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

penceritaan menggunakan alat bantu mengajar tersebut. Kad-kad gambar ini menjadikan penerangan pengkaji kepada kanak-kanak lebih jelas. Kanak-kanak dapat menerima contoh konkrit yang diberikan serta dapat menghayati nilai yang ingin disampaikan oleh pengkaji. Sebagai contoh, pengkaji menggunakan gambar alam ciptaan Allah dan membawa kanak-kanak keluar daripada kelas untuk melihat alam sekeliling sebagai bukti kewujudan Allah. Proses penceritaan Modul Luqman Al-Hakim menjadi lebih berkesan dengan adanya alat bantu mengajar yang menarik dan pelbagai.

Proses penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim ini telah membolehkan pengkaji mengawal kelas dengan baik. Penekanan awal telah diberi terlebih dahulu sewaktu set induksi bagi menarik perhatiaan kanak-kanak terhadap proses penceritaan yang akan dijalankan. Cerita daripada buku bersiri Luqman Al-Hakim telah menjadikan kanak-kanak fokus kepada apa yang ingin disampaikan. Kawalan kelas merupakan suatu perkara yang amat penting dilakukan oleh para guru sebelum sesi pengajaran berlaku. Jelas di sini menunjukkan penceritaan yang dilakukan telah dapat mengawal kanak-kanak daripada hilang tumpuan kepada sesi pembelajaran dan membuat gangguan kepada rakan-rakan mereka yang terlibat dalam pengajaran tersebut. Contohnya dalam kisah Nabi Sulaiman yang boleh memahami bahasa semut telah dapat menarik perhatian kanak-kanak. Kanak-kanak selama ini menyangka bahawa semut merupakan serangga kejadian Allah yang tiada fungsi dan faedahnya. Di sinilah konsep bersyukur dapat dihayati oleh kanak-kanak bahawa setiap kejadian Allah pasti ada rahmatnya serta penekanan perlakuan nilai bersyukur dan berterima kasih dapat diterapkan di sini.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Penekanan dan penghayatan nilai berterima kasih kepada ibu bapa merupakan perkara yang perlu dalam kehidupan. Selain itu, sifat berkasih sayang sesama adik-beradik, bertolak ansur di dalam kelas dan di rumah boleh dihayati oleh kanak-kanak. Pengkaji juga dapat melihat bagaimana kanak-kanak memahami bahawa setiap perbuatan baik pasti akan menerima balasan baik manakala perbuatan buruk mereka pasti akan dibalas dengan balasan buruk juga. Ini menjadikan kanak-kanak memahami bahawa kehidupan mereka mesti sentiasa melakukan kebaikan dan perbuatan memohon ampun dan maaf perlu segera dilakukan jika mereka melakukan kesalahan dan kesilapan.

Namun begitu, walaupun sekarang ini terdapat banyak kajian yang telah diterbitkan, terdapat beberapa masalah metodologi yang berkaitan dengan usaha menilai keberkesanan penceritaan buku bersiri Luqman Al-Hakim. Dengan ini sukar untuk mentafsirkan sama ada kajian ini keseluruhannya menyokong atau tidak menyokong idea bahawa penggunaan penceritaan adalah teknik terbaik. Dalam pembentangan Kertas Kerja Kajian mengenai ‘Konsep Nilai Murni Dalam Falsafah Pendidikan Negara 2003’ menegaskan bahawa sejauhmana keberkesanannya penerapan nilai murni adalah sesuatu yang sukar untuk dikodkan dalam bentuk *percentage* tertentu kerana kita tidak dapat mengukur atau membuat sukatan yang tepat untuk melihat keberkesanan. Yang jelas, adanya perubahan ataupun imigrasi sikap individu itu sendiri. Kita boleh kenalpasti samada individu itu ada nilai murni atau tidak. Sememangnya kejayaan penerapan bukanlah kejayaan sepenuhnya kerana tahap penerimaan individu itu berbeza-beza.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


